Insititusi pendidikan itu mempunyai baki geran pembangunan dalam bentuk aset tetap dan projek dalam pelaksanaan, manakala tempoh pelunasan geran aset tetap bergantung kepada anggaran hayat kegunaan aset berkenaan.

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) merekodkan baki geran pembangunan bernilai RM1.11 bilion termasuk RM651.16 juta disalurkan kementerian pada Disember 2023 yang akan dibelanjakan tahun berikutnya.

**Artikel Berkaitan:**

- LKAN: 1,119 projek lima universiti penyelidikan melalui DPF kurang memuaskan, 151 bermasalah
- LKAN: 40 syarikat subsidiari agensi Persekutuan rugi lebih RM2.6 bilion
- LKAN: UPM, USIM dan UMS antara 5 agensi catat kerugian 3 tahun berturut-turut

Penulasan yang dicatatkan bagi 2023 pula berjumlah RM1.31 bilion.

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) mencatatkan baki geran pembangunan bernilai RM1.04 bilion, termasuk RM831.37 juta yang dibelanjakan terhadap 21 projek pembangunan masih dalam kemajuan dengan pelunasan dilaksanakan selepas projek siap sepenuhnya.

Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) pula memiliki baki geran pembangunan bernilai RM930 juta bagi pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur di bawah Projek RMK9 hingga RMK12, pelaksanaan projek sektor swasta dan pelaksanaan Program Pembangunan Usahawan Bumiputera.

Baki berkenaan termasuk RM596.31 juta bagi lapan projek pembangunan masih dalam kemajuan dengan pelunasan akan dilaksanakan selepas projek siap dan diserahkan kepada pihak ketiga.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## SINAR HARIAN ONLINE | 24 FEBRUARI 2025

BERITA Follow > Nasional Follow

### Agensi Persekutuan disaran kurangkan kebergantungan geran kerajaan

AISYAH BASARUDDIN Follow

24 Februari 2025 03:48pm
Masa membaca: 2 minit



Agensi Persekutuan disaran kurangkan kebergantungan terhadap geran kerajaan - Gambar hiasan

*Untuk berita terkini Sinar Harian, ikuti di Telegram dan TikTok kami*

SHAH ALAM - Agensi Persekutuan disaran mengurangkan kebergantungan terhadap geran kerajaan bagi menambah baik tatakelola pengurusan kewangan.

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan 2023, pihak audit turut mengesyorkan agar kesemua agensi mengoptimumkan penggunaan geran kerajaan demi meningkatkan kecekapan perkhidmatan.

Menurut laporan tersebut, geran Kerajaan Persekutuan adalah antara sumber peruntukan disalurkan sama ada secara penuh atau sebahagian bagi membiayai perbelanjaan operasi mengurus dan pembangunan aktiviti, projek mahupun program agensi Persekutuan.

"Ia terbahagi kepada dua iaitu geran mengurus dan geran pembangunan. Geran mengurus disalurkan bagi tujuan membiayai kos operasi seperti emolumen, penyenggaraan, bayaran sewa, pengangkutan, utiliti serta kos pentadbiran agensi Persekutuan bagi tahun semasa.

"Pemberian geran pembangunan termasuk geran penyelidikan, geran amanah dan geran khas untuk agensi Persekutuan melaksanakan program atau aktiviti selaras fungsi serta objektifnya.

"Secara amnya, terimaan geran mengurus direkodkan dalam hasil manakala geran pembangunan, geran penyelidikan, geran amanah dan geran khas atau lain adalah liabiliti serta dilunaskan sebagai hasil apabila dibelanjakan oleh agensi Persekutuan," katanya pada Isnin.

Laporan audit memaklumkan, sebanyak 98 daripada 142 agensi Persekutuan menerima geran mengurus dan/atau geran pembangunan berjumlah RM33.628 bilion daripada Kerajaan Persekutuan pada 2023.

Katanya, jumlah terbabit merangkumi RM16.305 bilion untuk geran mengurus manakala RM17.323 bilion bagi geran pembangunan.

**Artikel Berkaitan:**

- Steven Sim nafi menidakkan laporan Ketua Audit Negara, PAC
- LKAN: Mara, UNIMAS antara lima agensi Persekutuan catat baki geran pembangunan tertinggi
- LKAN: 40 syarikat subsidiari agensi Persekutuan rugi lebih RM2.6 bilion

Jelas laporan berkenaan, terdapat lima agensi Persekutuan yang menerima geran tertinggi daripada kerajaan pusat pada 2023 antaranya Majlis Amanah Rakyat (Mara), Universiti Teknologi MARA (UiTM, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) serta Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).

"Mara terima geran mengurus dan pembangunan RM3.946 bilion untuk menampung perbelanjaan program penganjuran pelajaran, perbelanjaan operasi, pembangunan serta pembiayaan usahawan. UiTM pula geran mengurus bagi membiayai kos operasi manakala geran pembangunan untuk aktiviti penyelidikan serta projek pembangunan.

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## MALAYSIAKINI | 24 FEBRUARI 2025




mk BERITA

### Kajian kutipan bayaran PTPTN, dana universiti antara tumpuan Laporan Audit

Diterbitkan: Feb 24, 2025 10:22 AM · Dikemaskini: 10:22 AM

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) perlu mengkaji semula mekanisme kutipan bayaran balik pinjaman pendidikan dan meningkatkan pemantauan terhadap pengurusan pinjaman pendidikan agensi itu.

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 mengenai Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 menyebut bahawa sehingga 31 Disember 2023, tunggakan bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN berjumlah RM10.853 bilion melibatkan 1.2 juta peminjam.

"Bayaran balik pinjaman pendidikan yang tertunggak juga menunjukkan peningkatan dari tahun 2019 hingga 2023," kata Ketua Audit Negara Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi dalam kenyataan susulan pembentangan LKAN 1/2025 di Dewan Rakyat hari ini.

Mengenai pelaksanaan pengurusan Dana Penyelidikan Fundamental (DPF) oleh lima universiti penyelidikan (RU) awam, Wan Suraya berkata ia memerlukan pemantauan berkala bagi memastikan projek dilaksanakan mengikut perancangan dan mencapai petunjuk prestasi utama (KPI) ditetapkan.

"Laporan audit menunjukkan tahap kemajuan projek penyelidikan DPF berada pada tahap kurang memuaskan (53.9 peratus). Hanya 11.3 peratus projek yang dilaksanakan berada pada tahap baik sementara 7.3 peratus dikategorikan sebagai bermasalah," katanya.

Menyentuh isu usaha berterusan (going concern) Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) berdasarkan kedudukan kewangannya setakat 31 Disember 2023, beliau berkata kemampuan SWCorp menampung kos operasi dan komitmen kewangan pada masa hadapan bergantung kepada tambahan bantuan kewangan kerajaan Persekutuan.

Beliau berkata masalah PTPTN, DPF dan SWCorp termasuk dalam Fokus Utama Audit iaitu satu daripada tiga isu tumpuan LKAN 1/2025 selain isu Pengesahan Penyata Kewangan dan Analisis Penyata Kewangan.

Ketua Audit Negara menerusi LKAN itu turut mengemukakan 10 syor kepada agensi Persekutuan bagi tujuan penambahbaikan.

Antaranya tindakan proaktif untuk meningkatkan kawalan dalaman agensi dan menambah baik sistem kewangan sejajar dengan keperluan piawaian perakaunan yang diterima pakai bagi memastikan pelaporan kewangan adalah tepat dan pengurusan tatakelola kewangan yang berkesan.

Wan Suraya berkata ia bagi memastikan keupayaan agensi Persekutuan untuk meneruskan operasi berdasarkan usaha berterusan dan mengurangkan liabiliti bersifat komitmen kewangan serta mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan.

Syor lain adalah mengkaji semula hala tuju dan pelan perniagaan syarikat subsidiari yang mengalami kerugian dan tidak memberikan pulangan sewajarnya.

Syor lain adalah mengkaji semula hala tuju dan pelan perniagaan syarikat subsidiari yang mengalami kerugian dan tidak memberikan pulangan sewajarnya.

Selain itu, agensi Persekutuan juga dicadangkan memberi perhatian serius kepada beberapa isu termasuk mengambil tindakan untuk menutup syarikat subsidiari berstatus dorman atau tidak aktif melebihi lima tahun.

LKAN 1/2025 mengenai Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 boleh dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangan di Dewan Rakyat dan orang awam boleh melayarinya di alamat http://lkan.audit.gov.my.

Sebarang pertanyaan lanjut dan pandangan mengenai laporan itu boleh dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

*- Bernama*

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## MALAYSIA INSIGHT | 25 FEBRUARY 2025

### Auditor General of 86 government agencies: Losses amounted to NT$2.8 billion

Last updated 1 month ago · Published on 25 Feb 2025 11:00AM · 0 comments



*Auditor-General Wan Suraya said that as of 2023, the cumulative losses of 86 government agencies in the country amounted to RM2.8 billion. (Photo from Facebook)*

Auditor-General Wan Surayah said that as of 2023, the cumulative losses of 86 government agencies in the country amounted to RM2.8 billion.

After presenting the "First Series of Auditor-General's Report 2025" to Parliament, Auditor-General Wan Surayah told the media that 59 government agencies in the country have 217 subsidiaries with a total investment of RM65.1 billion.

She revealed that 131 of the government agency subsidiaries recorded profits in 2023, but 86 subsidiaries incurred losses amounting to RM2.81 billion.

"Only 81 government agency subsidiaries paid dividends totaling RM2.829 billion to 32 government agencies, of which 14 subsidiaries paid RM1.432 billion despite recording losses," it said.

Wan Suraya said 142 federal agencies held RM2.696 trillion in assets and RM871 billion in liabilities as of 2023, although five agencies had liabilities exceeding their assets.



Putrajaya's Youngest Millionaire Shares How To Get Rich

She stressed that 98 government agencies received RM33.62 billion in grants from Putrajaya, while the balance of development grants for 97 government agencies was RM21.39 billion.

"Twenty institutions received RM126.56 billion in loans from the federal government and financial institutions, of which five institutions received government-guaranteed loans worth RM99.058 billion.

"Four institutions received new loans of RM7.309 billion in 2023."

She added that three agencies have yet to submit their 2023 financial statements to the Auditor-General's Department, namely the Labuan Financial Services Authority, the Labuan Financial Services Authority Employees Welfare Fund and the South Kelantan Development Authority.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## KOSMO | 24 FEBRUARY 2025

NEGARA

### Kerajaan berlapang dada terima teguran Ketua Audit Negara

Oleh ASLIZA MUSA 25 Februari 2025, 5:39 pm



Ahmad Zahid bercakap dengan pemberita di Ipoh hari ini. - Foto MUHAMAD NAZREEN SHAH MUSTHAFA / KOSMO!

IPOH – Kerajaan berlapang dada dan bersikap terbuka menerima teguran berhubung kerugian berjumlah RM2.66 bilion oleh 40 buah syarikat subsidiari daripada lima agensi Persekutuan seperti mana dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, walaupun belum meneliti secara terperinci laporan berkenaan namun berharap agar semua syarikat pegangan dan anak syarikat mematuhi garis panduan yang ditetapkan Perbendaharaan.

"Ini juga diikuti sepenuhnya oleh syarikat yang berada di mana-mana badan berkanun. Kita harap apabila perkara ini menjadi laporan tahunan dan dibentangkan untuk dibahaskan oleh ahli-ahli Parlimen, maka kita berlapang dada.

"Kita juga berhati terbukalah untuk menerima sebarang teguran yang telah dikemukakan oleh Laporan Ketua Audit Negara," katanya ketika ditemui selepas meluangkan masa menziarahi keluarga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Kuning, Allahyarham Ishsam Shahruddin di Desa Seri Ampang, di sini hari ini.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## ASTRO AWANI ONLINE | 25 FEBRUARI 2025

### LKAN 1/2025: Nilai semula kadar elaun Ahli Lembaga, KPI syarikat subsidiari - Penganalisis

Irfan Faruqi
25/02/2025 21:36 MYT




*Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada Isnin - Gambar fail/Astro AWANI*

**KUALA LUMPUR:** Teguran yang dikemukakan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025, perlu disusuli dengan tindakan penilaian semula operasi syarikat-syarikat subsidiari dan agensi-agensi kerajaan dengan segera.

***Ringkasan AI***

- *Penilaian Semula Operasi: Teguran dalam LKAN perlu disusuli dengan tindakan penilaian semula operasi syarikat-syarikat subsidiari dan agensi-agensi kerajaan dengan segera.Penetapan Semula Elaun dan KPI: Penetapan semula elaun ahli Lembaga Pengarah (ALP) dan Indeks Prestasi Utama (KPI) bagi setiap entiti terbabit, dengan elaun yang diberikan berdasarkan prestasi dan kehadiran.Larangan Lantikan Ahli Politik Aktif: Cadangan agar larangan lantikan ahli politik aktif dalam mana-mana entiti kerajaan dilaksanakan dengan lebih tegas, selaras dengan garis panduan tadbir urus yang baik.*

Penganalisis berpendapatan, dua aspek yang boleh dilihat ialah dari segi penetapan semula elaun ahli Lembaga Pengarah (ALP) dan Indeks Prestasi Utama (KPI) bagi setiap entiti terbabit.

Pengarah Program MBA, Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff mencadangkan, kadar dan kaedah pembayaran elaun ALP diberikan sesuai dengan prestasi entiti yang disertai.

"Boleh berlaku isu konflik kepentingan yang mana wakil kementerian berada dalam ahli Lembaga Pengarah banyak syarikat subsidiari. Elaunnya pula dalam bentuk bulanan.

"Maknanya, jika dia tidak buat apa-apa atau tidak hadir mesyuarat, dia tetap dapat elaun. Pernah berlaku sebelum ini, seorang Ketua Menteri menjadi pengerusi 30 anak syarikat negeri.

"Bermakna jika dia dapat RM3,000 sebulan (untuk satu anak syarikat), busuk-busuk dia boleh dapat RM90,000 tanpa hadir mesyuarat. Kita tidak mahu cerita dulu ini berlaku lagi. Kalau boleh elaun itu bersifat mengikut kehadiran," katanya.

Beliau berkata demikian dalam program *Agenda AWANI* pada Selasa.

Ahmed Razman juga mencadangkan agar larangan lantikan ahli politik aktif dalam mana-mana entiti kerajaan dilaksanakan dengan lebih tegas.

"Kementerian Kewangan pada tahun 2022 telah melancarkan Prinsip Tabir Urus Yang Baik Bagi Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (PGG). Suruhanjaya Sekuriti (SC) juga ada melancarkan kemaskini Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) pada tahun 2021 dan Kod Pelabur Institusi Malaysia (MCII) 2022.

"Ketiga-tiga garis panduan ini menjelaskan bahawa tidak digalakkan untuk melantik ahli politik yang aktif sebagai ahli lembaga pengarah," jelasnya.

Sementara itu, Felo Bersekutu Kanan, Institut Dasar Ekonomi dan Kewangan (ECOFI), Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Madya Dr. Irwan Shah Zainal Abidin mencadangkan, Indeks Prestasi Utama (KPI) syarikat-syarikat berkenaan ditetapkan dengan mengambil kira aspek manusiawi.

"Dari segi kecekapan, contohnya, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Adakah apabila kita mahu ia bertambah baik, bermakna kita mahu ada peningkatan pendapatan melalui kadar pembayaran balik pinjaman?

(UUM), Prof. Madya Dr. Irwan Shah Zainal Abidin mencadangkan, Indeks Prestasi Utama (KPI) syarikat-syarikat berkenaan ditetapkan dengan mengambil kira aspek manusiawi.

"Dari segi kecekapan, contohnya, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Adakah apabila kita mahu ia bertambah baik, bermakna kita mahu ada peningkatan pendapatan melalui kadar pembayaran balik pinjaman?

"Kita juga perlu lihat dari perspektif pembayar pinjaman itu. Bagaimana keadaan dan pendapatan pelajar? Perkara itu juga perlu dilihat walaupun dalam keadaan PTPTN tidak dapat menambahbaik penyata kewangan. Kita juga perlu lihat dari segi kebajikan peminjam," katanya.

LKAN 1/2025 dibentangkan di parlimen pada Isnin, yang antara lain menyentuh mengenai PTPTN.

Laporan itu menyebut mengenai keperluan mengkaji semula mekanisme kutipan bayaran balik pinjaman pendidikan dan meningkatkan pemantauan terhadap pengurusan pinjaman pendidikan.

Ketua Audit Negara Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi berkata, sehingga 31 Dis 2023, tunggakan bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN adalah berjumlah RM10.853 bilion melibatkan 1.20 juta peminjam.

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## SINAR HARIAN ONLINE | 26 FEBRUARI 2025

BERITA Follow >Nasional Follow

### Lantik CEO dari sektor swasta

RAIHAM MOHD SANUSI Follow

26 Februari 2025 07:30am
Masa membaca: 3 minit




Laporan Sinar Harian pada Selasa.

*Untuk berita terkini Sinar Harian, ikuti di Telegram dan TikTok kami*

SHAH ALAM - Kerajaan disaran membuat perubahan dalam dasar pelantikan ketua pegawai eksekutif (CEO) dan ahli lembaga pengarah syarikat subsidiari agensi persekutuan dengan melantik figura cemerlang dari sektor swasta ke jawatan itu bagi mengelakkan syarikat berkenaan terus mengalami kerugian.

Perunding Kewangan Rakyat merangkap Pengasas Ultra Mind Resources, Shamsuddin Kadir berkata, pelantikan individu yang kompeten dari sektor swasta tersebut diyakini akan dapat memastikan syarikat subsidiari agensi persekutuan lebih berdaya saing.

"Saya berpendapat kena ambil orang luar iaitu dari sektor swasta dan bukan dari sektor kerajaan untuk isi jawatan CEO dan ahli lembaga pengarah ini sebab mentaliti berlainan antara orang makan gaji kerajaan dengan yang makan gaji di sektor swasta.

"Jadi CEO dan ahli lembaga pengarah mesti orang swasta bukannya orang kerajaan yang berpengalaman 40 tahun umpamanya malah orang baharu pun boleh dipertimbangkan kalau dia tunjukkan prestasi cemerlang di syarikat swasta tempat dia bekerja," katanya kepada Sinar Harian pada Selasa.

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada Isnin melaporkan, sebanyak 86 syarikat subsidiari atau 39.6 peratus daripada keseluruhan 217 anak syarikat milik agensi persekutuan merekodkan kerugian berjumlah RM2.81 bilion pada 2023.

Daripada jumlah itu, 40 syarikat subsidiari daripada lima agensi persekutuan mencatatkan kerugian paling tinggi iaitu RM2.66 bilion.

Menurut Ketua Audit Negara, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merekodkan angka susut paling tinggi pada 2023 menerusi 21 syarikat subsidiarinya yang rugi RM941 juta, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) menerusi lima syarikat subsidiari pula mencatatkan kerugian RM720 juta diikuti Lembaga Tabung Haji (TH) rugi sebanyak RM690 juta melalui empat syarikat subsidiari.

Mengulas lanjut, Shamsuddin menegaskan, gaji CEO yang lazimnya tinggi juga perlu dinilai semula selain perlu dilakukan pengubahsuaian kontrak iaitu kontrak perlu berdasarkan prestasi.

"Gaji asas CEO seharusnya diberi secara berpadanan sahaja dan selebihnya digantikan dengan pembayaran bonus mengikut keuntungan yang berjaya diraih syarikat sekali gus akan mengalakkan mereka yang memegang jawatan tersebut meningkatkan prestasi untuk mencapai sasaran.

"Dari segi cadangan supaya kontrak perlu berdasarkan prestasi pula, boleh dibuat syarat misalnya CEO perlu pastikan kenaikan keuntungan syarikat 10 peratus setahun dan jika dia tidak capai sasaran itu, dia boleh digugurkan secara automatik.

"Jadi waktu perkhidmatannya bukan ditentukan oleh jumlah tahun yang termaktub dalam kontrak semata-mata," ujarnya.

Shamsuddin turut menyarankan supaya laporan audit dikeluarkan dalam dua versi iaitu berdasarkan akaun mengikut suku atau separuh tahun dan akaun tahunan seperti sekarang tetapi laporannya perlu dikeluarkan lebih cepat bagi memastikan setiap kerugian atau kebocoran yang dialami syarikat dapat segera diambil tindakan.

Tambahnya, bagi meperbaiki prestasi syarikat subsidiari yang bermasalah dan mengalami kerugian juga kerajaan boleh melantik badan audit luar untuk membuat audit.

"Kalau boleh biar pihak swasta buat audit syarikat subsidiari yang rugi ini dengan kekerapan akaun dinilai tiga bulan atau enam bulan sekali. Ini kerana kalau rugi, tidak boleh tunggu habis tahun.

"Umpamanya seperti kalau orang menghidap kanser tahap empat, kalau laporan kesihatannya dikeluarkan dua tahun selepas itu, penyakitnya jadi lebih serius.

"Kalau sudah tahu suku pertama syarikat rugi, tindakan boleh terus dilakukan. Jangan lambat keluarkan laporan audit sebab perkara ini kritikal untuk rakyat ekoran ada antara pelaburan yang dibuat melibatkan duit masa depan rakyat seperti KWSP.

"Perkara ini juga menyebabkan dividen rendah. Walaupun ada yang cakap kadar enam peratus dividen yang dijangka diberi KWSP tahun ini adalah banyak, mungkin kalau tidak ada kebocoran sebegini dividen yang mampu diberi boleh capai tujuh peratus atau lebih," ulasnya.

Kata beliau lagi, sekiranya penilaian akaun syarikat dibuat untuk tempoh setahun pula seperti dari Januari sehingga Disember, sepatutnya sekitar Mac tahun berikutnya laporan audit perlu siap dan mesti dibentang agar langkah susulan yang pantas dapat dibuat.

*Muat turun aplikasi Sinar Harian. **Klik di sini!***

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

SINAR HARIAN | 25 FEBRUARI 2025



TELUS & TULUS
Sinar Harian
sinarharian.com.my

Nantikan Esok!

SELASA | 25 FEBRUARI 2025 | 26 SYAABAN 1446H | BIL : 6446 | PP11200/02/2013 (031412) | sinarharian.com.my | SinarOnline | SinarHarian | SinarHarian

## LAPORAN AUDIT SYARIKAT SUBSIDIARI AGENSI PERSEKUTUAN TAHUN 2023

MUKA 2 & 3

**131 UNTUNG**
RM4.087 BILION

**86 RUGI**
RM2.810 BILION

- Ketua Audit Negara, Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi mendedahkan 131 atau 60.4 peratus daripada 217 syarikat subsidiari agensi Persekutuan mencatatkan keuntungan berjumlah **RM4.087 bilion,** manakala baki 86 atau 39.6 peratus syarikat mengalami kerugian **RM2.810 bilion.**
- Menurut laporan itu, sebanyak 34 syarikat subsidiari KWSP mencatat keuntungan berjumlah **RM2.754 bilion**, diikuti 11 syarikat subsidiari Lembaga Tabung Haji (LTH) **RM240 juta**, sembilan syarikat subsidiari Felda **(RM411 juta)**, sembilan syarikat subsidiari Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), **RM130 juta** dan enam syarikat subsidiari Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), **RM163 juta**.
- Bagaimanapun, 40 syarikat subsidiari bagi lima agensi Persekutuan sama mencatatatkan kerugian berjumlah **RM2.656 bilion** pada 2023. 21 syarikat subsidiari KWSP mencatat kerugian RM941 juta, lapan syarikat subsidiari KWAP **(RM138 juta)**, lima syarikat subsidiari LTAT **(RM722 juta)**, empat syarikat subsidiari LTH **(RM690 juta)** dan dua syarikat subsidiari Felda **(RM165 juta)**.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

SINAR HARIAN | 25 FEBRUARI 2025

Sinar Harian
TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

## 86 syarikat subsidiari rugi RM2.8 bilion

### Termasuk 9 anak syarikat KWSP rugi tiga tahun berturut-turut

Oleh DIANA AZIS
SHAH ALAM

LAPORAN MUKA DEPAN

Sebanyak 86 syarikat subsidiari atau 39.6 peratus daripada keseluruhan 217 anak syarikat milik agensi Persekutuan merekodkan kerugian berjumlah RM2.81 bilion pada 2023, manakala 131 lagi atau 60.4 peratus mencatat keuntungan berjumlah RM4.087 bilion.

Daripada jumlah itu, 40 syarikat subsidiari daripada lima agensi Persekutuan mencatatkan kerugian paling tinggi iaitu RM2.66 bilion, menurut Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada Isnin.



WAN SURAYA

Menurut Ketua Audit Negara, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merekodkan angka susut paling tinggi pada 2023 menerusi 21 syarikat subsidiarinya yang rugi RM941 juta.

Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) menerusi lima syarikat subsidiari pula mencatatkan kerugian RM720 juta diikuti Lembaga Tabung Haji (TH) rugi sebanyak RM690 juta melalui empat syarikat subsidiari.

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) menerusi dua syarikat subsidiari merekodkan kerugian RM0.17 bilion manakala Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) mencatatkan kesusutan sebanyak RM0.14 bilion (lapan syarikat subsidiari).

Bagaimanapun, analisis audit mendapati 69 daripada syarikat subsidiari bagi lima agensi sama mencatat keuntungan berjumlah RM3.698 bilion.

Sementara itu, sebanyak 21 syarikat subsidiari kelima-lima agensi Persekutuan itu - KWSP, LTAT, TH, Felda dan KWAP, mengalami kerugian tiga tahun berturut-turut, dengan kerugian keseluruhan pada 2023 berjumlah RM970.55 juta.

Daripada 21 syarikat subsidiari itu, sembilan beroperasi di dalam negara, manakala 12 lagi di luar negara.

TH sebagai contoh melalui dua syarikat subsidiari iaitu LTH Property Holdings 3 Limited dan LTH Property Holdings 2 Limited yang diperbadankan di United Kingdom (UK) merekodkan kerugian paling tinggi dengan RM465.18 juta pada 2023, meningkat berbanding RM97.55 juta pada 2022 dan RM22.25 pada 2021.

KWSP pula melalui 11 syarikat subsidiarinya merekodkan kerugian RM224.21 juta pada 2023 sahaja, diikuti FIC Properties Sdn Bhd di bawah Felda (RM81.97 juta), tujuh syarikat subsidiari di bawah KWAP dengan kerugian RM81.97 dan dua syarikat subsidiari LTAT dengan kerugian terkumpul RM37.08 juta.

Syarikat subsidiari KWSP yang mengalami kerugian termasuk Kwasa Europe S.à r.l, yang mencatatkan kerugian tertinggi RM158.42 juta pada 2023, diikuti Ameen Direct Equity I, L.P (RM25.61 juta), Kwasa Europe-I S.à r.I (RM14.4 juta), Naungan Sentosa Sdn Bhd (RM11.88 juta), Kwasa Utama Sdn Bhd (RM8.61 juta), YTR Harta Sdn Bhd (RM2.70 juta), Kwasa Singapore Duo Pte Ltd (RM1.36 juta), PPNK - Harta Sdn Bhd (RM840,000) dan Common Icon Sdn Bhd (RM390,000).

Melalui penjelasan diberikan, Syarikat LTH Property Holdings 2 Limited dan LTH Property Holdings 3 Limited yang masing-masing dimiliki TH mengalami kerugian akibat peningkatan rosot nilai hartanah pelaburan dipengaruhi kadar faedah dan inflasi semasa yang meningkat di United Kingdom (UK).

Tiga syarikat subsidiari milik KWSP iaitu Kwasa Europe S.à.r.l, Kwasa Europe-I S.à r.l dan Naungan Sentosa Sdn Bhd pula mengalami kerugian akibat struktur modal syarikat subsidiari yang sebahagian besarnya dalam bentuk pinjaman pemegang saham.

Di bawah Felda, syarikat FIC Properties Sdn Bhd mengalami kerugian kerana belanja kos kewangan pembiayaan dan penjejasan nilai pelaburan dalam syarikat bersekutu.

Syarikat subsidiari milik KWAP iaitu Prima Harta 5 (Jersey) Unit Trust mengalami kerugian akibat peningkatan rosot nilai hartanah pelaburan yang berlaku selepas penurunan risiko pasaran hartanah di UK pada 2022 dan 2023, walaupun mencapai kadar penghunian bangunan konsisten sebanyak 99.6 peratus bagi kedua-dua tahun.

Dua syarikat subsidiari milik LTAT, iaitu Irat Properties Sdn Bhd dan Irat Hotels & Resorts Sdn Bhd pula rugi akibat kos kewangan tinggi dan kerugian nilai saksama ke atas pelaburan hartanah.



Sebanyak 131 syarikat subsidiari agensi Persekutuan catat keuntungan lebih RM4 bilion pada 2023, namun 86 lagi kerugian RM2.8 bilion.

**KERUGIAN TIGA TAHUN BERTURUT-TURUT SYARIKAT SUBSIDIARI (2021-2023)**

| Agensi | Bil. syarikat rugi | Nilai kerugian | | |
|---|---|---|---|---|
| | | 2023 | 2022 | 2021 |
| Tabung Haji | 2 | RM465 juta | RM97 juta | RM22 juta |
| KWSP | 9 | RM224 juta | RM76 juta | RM49 juta |
| Felda | 1 | RM162 juta | RM399 juta | RM409 juta |
| KWAP | 7 | RM81 juta | RM61 juta | RM31 juta |
| LTAT | 2 | RM37 juta | RM76 juta | RM39 juta |
| **JUMLAH** | | **RM970 juta** | **RM710 juta** | **RM552 juta** |

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

SINAR HARIAN | 25 FEBRUARI 2025



## Ketua Audit Negara syor tutup syarikat tidak aktif

**KUALA LUMPUR** - LKAN 1/2025 mengemukakan 10 syor kepada agensi Persekutuan bagi tujuan penambahbaikan termasuk mengkaji semula hala tuju dan pelan perniagaan syarikat subsidiari yang mengalami kerugian dan tidak memberi pulangan sewajarnya.

Ketua Audit Negara, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi berkata, agensi Persekutuan perlu memberi perhatian serius termasuk dengan bertindak menutup syarikat subsidiari berstatus dorman, atau tidak aktif, melebihi lima tahun.

"Dalam masa sama, (perlu) tindakan proaktif untuk meningkatkan kawalan dalaman agensi dan menambah baik sistem kewangan, sejajar dengan keperluan piawaian perakaunan yang diterima pakai, bagi memastikan pelaporan kewangan adalah tepat dan pengurusan tatakelola kewangan yang berkesan," katanya dalam laporan tersebut.

Syor lain adalah, memastikan keupayaan agensi Persekutuan untuk meneruskan operasi berdasarkan usaha berterusan dan mengurangkan liabiliti yang bersifat komitmen kewangan serta mengurangkan kebergantungan kepada geran kerajaan.

"Selain itu, penggunaan geran kerajaan perlu dioptimumkan bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan agensi Persekutuan," menurut Wan Suraya.

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## BERITA HARIAN | 25 FEBRUARI 2025

Selasa, 25 Februari 2025 | 26 Syaaban 1446 | Tel: 1 300 22 6787 | PP 414/10/2012 (030686) | RM2

Wadah Pembaharuan
BH
BeritaHarian
sejak 1957 ...bharian.com.my

### Laporan Ketua Audit Negara

- 1,119 projek penyelidikan bernilai RM148.04 juta di lima universiti awam dikesan kurang memuaskan, 151 bermasalah
- PTPTN perlu kaji semula mekanisme kutipan bayaran balik pinjaman pendidikan, tingkat pemantauan
- 40 syarikat subsidiari lima agensi Persekutuan catat kerugian RM2.656 bilion pada 2023

Nasional 4, 5



*Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara*



Laporan Ketua Audit Negara 1/2025

# PTPTN perlu kaji kaedah kutip pinjaman tertunggak

## Cara lebih efektif perlu selesai isu tunggakan pinjaman pendidikan

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) perlu mengkaji semula mekanisme kutipan lebih berkesan untuk menangani isu bayaran balik pinjaman pendidikan tertunggak yang menunjukkan peningkatan antara 2019 hingga 2023.

Perkara itu antara syor dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara 1/2025: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan 2023, yang dibentangkan di Dewan Rakyat, semalam.

Sehingga 2023, jumlah tunggakan pinjaman pendidikan PTPTN adalah RM10.853 bilion, manakala bayaran balik diterima RM3.553 bilion atau mewakili 32.7 peratus. Trend bayaran balik tunggakan adalah antara 7.3 peratus hingga 79.3 peratus.

Berdasarkan syor dikemukakan, PTPTN perlu meningkatkan pemantauan terhadap pengurusan pinjaman pendidikan dengan menetapkan kutipan bersasar mengikut tahun tertunggak.

Ia bagi memastikan PTPTN tidak bergantung kepada pinjaman daripada institusi kewangan tempatan untuk melaksanakan fungsinya.

### Syor kaji insentif diskaun

PTPTN juga disyorkan mengkaji semula insentif diskaun bayaran balik terhadap pinjaman pendidikan serta pengecualian 100 peratus bayaran balik pinjaman pendidikan peminjam bagi yang menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama atau setaraf dengannya kepada peminjam yang layak.

Ia mengambil bayaran dilakukan Kerajaan Persekutuan terhadap perbelanjaan bagi pelaksanaan insentif diskaun bayaran balik pinjaman dan insentif pengecualian bayaran balik pinjaman berjumlah RM1.268 bilion kepada PTPTN bagi tempoh 2019 hingga 2023.

Kerajaan Persekutuan juga menanggung kos dana pinjaman atau sukuk berjumlah RM8.359 bilion bagi tempoh sama.

Dalam pada itu, laporan sama turut mengesyorkan tindakan penguatkuasaan yang telah diluluskan Jemaah Menteri pada 5 Julai 2024, antaranya pengeluaran surat peringatan dan tindakan penguatkuasaan, notis tuntutan, saman serta penghakiman.

Berdasarkan rekod, tunggakan bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN RM10.853 bilion membabitkan 1.2 juta peminjam, dengan tempoh usia tunggakan antara kurang setahun hingga melebihi 12 tahun.

Tempoh usia tunggakan bayaran balik tertinggi antara empat hingga enam tahun, berjumlah RM3.374 bilion bagi 302,613 peminjam, manakala yang melebihi 12 tahun berjumlah RM815 juta bagi 18,119 peminjam.

Bayaran balik pinjaman pendidikan bagi 2014 hingga 2023 adalah berjumlah RM26.4 bilion, membabitkan 106.09 juta transaksi yang dibuat melalui potongan gaji, debit terus, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan kaedah lain, seperti bayaran di kaunter dan dalam talian.

Sementara itu, PTPTN melalui maklum balas disertakan dalam laporan audit itu memaklumkan antara usaha meningkatkan kutipan balik pinjaman adalah melaksanakan semula tindakan penguatkuasaan yang terhenti sejak 2018.

Hasilnya, sehingga 30 November 2024 terdapat pengurangan tunggakan pinjaman berjumlah RM640.09 juta (5.9 peratus) daripada RM10.583 bilion yang membabitkan 1.2 juta peminjam bagi baki tunggakan pinjaman sehingga 2023.

PTPTN juga mewujudkan kerjasama dengan rakan strategik, iaitu agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri serta majikan swasta.

Melalui kerjasama strategik ini, PTPTN berjaya meningkatkan jumlah bayaran balik pinjaman berjumlah RM120.1 juta sehingga 31 Disember 2024.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

BERITA HARIAN | 25 FEBRUARI 2025

Selasa, 25 Februari 2025 | 26 Syaaban 1446 | Tel: 1 300 22 6787 | PP 414/10/2012 (030686) | RM2

Wadah Pembaharuan
BH
BeritaHarian
...t sejak 1957 ...v.bharian.com.my

## Laporan Ketua Audit Negara

- 1,119 projek penyelidikan bernilai RM148.04 juta di lima universiti awam dikesan kurang memuaskan, 151 bermasalah
- PTPTN perlu kaji semula mekanisme kutipan bayaran balik pinjaman pendidikan, tingkat pemantauan
- 40 syarikat subsidiari lima agensi Persekutuan catat kerugian RM2.656 bilion pada 2023

Nasional 4, 5



*Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara*

# MARA rekod baki geran pembangunan tertinggi bagi 2023

**Majlis** Amanah Rakyat (MARA), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) adalah antara lima daripada 142 agensi Persekutuan yang direkodkan memiliki baki geran pembangunan tertinggi bagi 2023.

Perkara itu didedahkan menerusi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan 2023 yang diterbitkan semalam.

MARA merekodkan baki geran pembangunan bernilai RM2.39 bilion, manakala pelunasan bagi 2023 pula ialah RM2.78 bilion.

Agensi itu juga memiliki baki geran penganjuran pelajaran, usahawan dan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) dan RMK12 yang sudah mempunyai komitmen belum dilunaskan.

Selain itu, MARA merekodkan lebihan baki geran projek sudah selesai, batal atau tangguh yang sedang dalam permohonan kelulusan Kerajaan Persekutuan, sama ada dipulangkan semula atau kegunaan tujuan lain.

UNIMAS pula merekodkan baki geran pembangunan bernilai RM1.26 bilion, manakala pelunasan bagi 2023 ialah RM0.06 bilion.

Universiti awam itu mempunyai baki geran pembangunan dalam bentuk aset tetap dan projek dalam pelaksanaan, manakala tempoh pelunasan geran aset tetap bergantung kepada anggaran hayat kegunaan aset berkenaan.

LPP mencatatkan baki geran pembangunan bernilai RM1.11 bilion, termasuk sejumlah RM651.16 juta disalurkan kementerian pada Disember 2023 yang akan dibelanjakan tahun berikutnya, manakala pelunasan bagi 2023 ialah RM1.31 bilion.

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) mencatatkan baki geran pembangunan bernilai RM1.04 bilion, termasuk RM831.37 juta yang dibelanjakan bagi 21 projek pembangunan masih dalam kemajuan dengan pelunasan dilaksanakan selepas projek siap sepenuhnya.

Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) pula memiliki baki geran pembangunan bernilai RM0.93 bilion bagi pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur di bawah Projek RMK9 hingga RMK12, pelaksanaan projek sektor swasta dan pelaksanaan Program Pembangunan Usahawan Bumiputera.

**5 AGENSI PERSEKUTUAN MENERIMA GERAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN TERTINGGI**

| Agensi | Nama penuh | Jumlah |
|---|---|---|
| MARA | Majlis Amanah Rakyat | RM3.946 bilion |
| UiTM | Universiti Teknologi MARA | RM2.826 bilion |
| PTPTN | Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional | RM2.094 bilion |
| LPP | Lembaga Pertubuhan Peladang | RM1.930 bilion |
| FELDA | Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan | RM1.678 bilion |

Infografik BH

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

BERITA HARIAN | 25 FEBRUARI 2025

Selasa, 25 Februari 2025 | 26 Syaaban 1446 | Tel: 1 300 22 6787 | PP 414/10/2012 (030686) | RM2

Wadah Pembaharuan
BH
BeritaHarian
...t sejak 1957 ...bharian.com.my

## Laporan Ketua Audit Negara

- 1,119 projek penyelidikan bernilai RM148.04 juta di lima universiti awam dikesan kurang memuaskan, 151 bermasalah
- PTPTN perlu kaji semula mekanisme kutipan bayaran balik pinjaman pendidikan, tingkat pemantauan
- 40 syarikat subsidiari lima agensi Persekutuan catat kerugian RM2.656 bilion pada 2023

Nasional 4, 5



Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi, Ketua Audit Negara



# 1,119 projek 5 universiti melalui DPF kurang memuaskan

**Sejumlah** 1,119 projek bernilai RM148.04 juta dilaksanakan lima universiti penyelidikan melalui Dana Penyelidikan Fundamental (DPF) didapati berada pada tahap kurang memuaskan, manakala 151 projek bernilai RM23.69 juta lagi pada tahap bermasalah.

Perkara itu terkandung dalam Laporan Ketua Audit Negara 1/2025: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan 2023 bagi isu 'Pengurusan Dana Penyelidikan Fundamental' yang dibentangkan di Dewan Rakyat, semalam.

Laporan itu menyatakan, sehingga 1 Disember 2023, sebanyak 2,077 projek penyelidikan DPF bernilai RM285.44 juta sedang dilaksanakan lima universiti penyelidikan iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta dipantau Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

"Daripada 2,077 projek penyelidikan itu, tahap kemajuan projek berstatus baik membabitkan 236 projek (11.3 peratus) bernilai RM35.74 juta, manakala 571 projek (27.5 peratus) bernilai RM77.97 juta adalah berstatus memuaskan," katanya.

DPF adalah dana peruntukan tertinggi disalurkan KPT kepada universiti tempatan terdiri daripada empat skim geran iaitu Skim Geran Penyelidikan Fundamental, (FRGS), Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS), Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) dan Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS).

DPF bertujuan melonjak kecemerlangan penyelidikan di Malaysia untuk penjanaan teori, konsep dan idea baharu, berpotensi diterjemah kepada penyelidikan transnasional yang memberi manfaat kepada masyarakat, akademia, industri, negara serta alam sekitar.

Tempoh penyelidikan projek DPF bergantung jenis skim geran, iaitu antara sembilan bulan hingga lima tahun dan tempoh pelanjutan dibenarkan adalah maksimum enam bulan sahaja.

Klasifikasi tahap 'Baik' bagi kemajuan projek penyelidikan DPF adalah maju dengan amat baik; 'Memuaskan' (mengikut jadual); 'Kurang memuaskan' (lewat mengikut jadual atau perlu pemantauan lebih teliti) dan 'Bermasalah' merujuk tidak mencapai sasaran (prestasi projek dan kewangan) mengikut perancangan serta projek dicadangkan untuk ditamatkan (jika sudah menerima dua kali amaran).

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

UTUSAN MALAYSIA | 25 FEBRUARI 2025

4 Utusan Malaysia
SELASA • 25 FEBRUARI 2025

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 1/2025 - AGENSI PERSEKUTUAN 2

## 131 subsidiari kerajaan untung RM4.087 bilion

**Oleh HAFIZ SAIDINA dan ZAHRA MOHAMAD ZHAHIR**
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Sebanyak 131 daripada 217 buah syarikat subsidiari agensi kerajaan telah mencatatkan keuntungan berjumlah RM4.087 bilion.

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 yang dibentangkan di Parlimen, lima daripada 59 Agensi Persekutuan mempunyai pelaburan tertinggi melibatkan 109 syarikat subsidiari berjumlah RM63.472 bilion.

Katanya, sebanyak 100 syarikat subsidiari berstatus aktif manakala sembilan syarikat subsidiari berstatus dorman pada tahun 2023.

"Namun 86 syarikat subsidiari mengalami kerugian berjumlah RM2.810 bilion," menurut laporan itu semalam.




Selain itu, 21 syarikat subsidiari bagi lima agensi Persekutuan telah mengalami kerugian bagi tempoh tiga tahun berturut-turut sejak tahun 2021 hingga 2023.

"Pada tahun 2023, sebanyak 21 syarikat subsidiari mengalami kerugian berjumlah RM970.55 juta yang terdiri daripada sembilan syarikat subsidiari yang beroperasi di dalam negara, manakala 12 syarikat subsidiari beroperasi di luar negara," katanya.

Dalam ada itu, LKAN mencadangkan syarikat terlibat mengurangkan liabiliti yang bersifat komitmen kewangan serta memperkukuh keupayaan sendiri bagi mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan.

Cadangan itu antara 10 syor kepada agensi Persekutuan bagi tujuan penambahbaikan.

"Antaranya ialah perlu bertindak proaktif untuk meningkatkan kawalan dalaman agensi dan menambah baik sistem kewangan sejajar dengan keperluan piawaian perakaunan yang diterima pakai bagi memastikan pelaporan kewangan adalah tepat serta pengurusan tatakelola kewangan yang berkesan.

"Agensi Persekutuan juga perlu mengkaji semula hala tuju dan pelan perniagaan syarikat subsidiari yang mengalami kerugian dan tidak memberikan pulangan sewajarnya," katanya dalam kenyataan semalam.

Tambah LKAN, agensi Persekutuan juga perlu memberi perhatian serius termasuk mengambil tindakan untuk menutup syarikat subsidiari berstatus dorman atau tidak aktif melebihi lima tahun.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

UTUSAN MALAYSIA | 25 FEBRUARI 2025

## Kaji semula mekanisme kutipan PTPTN

**PETALING JAYA:** Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) disaran mengkaji semula mekanisme kutipan bayaran balik dan meningkatkan pemantauan pengurusan pinjaman bagi memastikan kelangsungan organisasi tersebut.

Jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN mencecah RM10.853 bilion melibatkan 1.20 juta peminjam setakat 31 Disember 2023.

Antara syor pihak audit adalah mengkaji semula mekanisme kutipan agar lebih efektif serta menetapkan sasaran kutipan berdasarkan tempoh tunggakan, bagi mengurangkan kebergantungan PTPTN terhadap pinjaman daripada institusi kewangan tempatan.

Selain itu, Audit turut mencadangkan PTPTN menilai semula insentif diskaun bayaran balik pinjaman dan pengecualian 100 peratus bayaran balik kepada peminjam yang menamatkan pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama atau setaraf, bagi peminjam yang layak.

Dalam usaha meningkatkan pematuhan, PTPTN disaran melaksanakan tindakan penguatkuasaan seperti pengeluaran surat peringatan, notis tuntutan, saman serta penghakiman, selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 5 Julai 2024.

PTPTN mempunyai tunggakan berjumlah RM10.853 bilion manakala bayaran balik yang diterima RM3.553 bilion.

Trend bayaran balik berbanding tunggakan pula berada dalam julat antara 7.3 peratus hingga 79.3 peratus.

Kerajaan telah menanggung kos dana pinjaman atau sukuk sebanyak RM8.359 bilion dari 2019 hingga 2023, selain membayar RM1.268 bilion kepada PTPTN bagi insentif diskaun dan pengecualian bayaran balik dalam tempoh yang sama.

Pengumuman ini diharap dapat membantu meningkatkan keberkesanan pengurusan pinjaman pendidikan serta memastikan kesinambungan dana pendidikan untuk generasi akan datang.

PTPTN terus mempergiat usaha dalam mengutip bayaran balik pinjaman pendidikan dengan melaksanakan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas serta kempen pembayaran yang menyeluruh.

Pada 11 November 2024, sebanyak 25,257 peminjam telah menerima Surat Peringatan Tindakan Penguatkuasaan manakala Notis Tuntutan (NOD) pula mula dihantar pada 26 November 2024, melibatkan 3,580 peminjam.

Sebagai langkah terakhir, tindakan saman dan penghakiman turut dirancang.

Sebagai langkah tambahan, e-mel makluman awal mengenai sekatan perjalanan ke luar negara telah dihantar pada 16 Disember 2024 kepada 10,388 peminjam yang masih mempunyai tunggakan.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

UTUSAN MALAYSIA | 25 FEBRUARI 2025

## Tiga universiti awam rugi tiga tahun berturut-turut

**PETALING JAYA:** Tiga universiti awam (UA) antara lima Agensi Persekutuan dilaporkan mengalami kerugian berturut-turut tertinggi iaitu antara 2021 hingga 2023.

Tiga UA itu adalah Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Punca tiga UA terbabit mengalami kerugian terbabit disebabkan geran mengurus dan pendapatan janaan sendiri daripada yuran pelajar tidak dapat menampung perbelanjaan operasi universiti.

UMS mengalami kerugian RM141.41 juta pada 2023, meningkat berbanding RM89.31 juta pada 2021 dan RM89.47 juta pada 2022.

UPM pula merekodkan kerugian RM127.71 juta pada 2023 berbanding RM81 juta dan RM118.7 juta masing-masing pada 2022 dan 2021 manakala USM mencatatkan kerugian RM61.6 juta pada 2023, RM2.62 juta (2022) dan RM14.21 juta (2021).

Dua lagi agensi yang turut mencatat kerugian sama adalah Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp).

Punca kerugian PPUM kerana pendapatannya yang terdiri daripada caj rawatan pesakit tidak dapat menampung perbelanjaan operasi dan menyebabkan kerugian RM61.3 juta pada 2023, RM50.94 juta (2022) dan RM33.44 juta (2021).

Sementara itu, SWCorp merekodkan kerugian RM53.9 juta pada 2023, meningkat berbanding RM87.91 juta pada 2022 dan RM60.75 juta pada 2021, dengan peningkatan perbelanjaan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam dikenal pasti sebagai punca.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

UTUSAN MALAYSIA | 25 FEBRUARI 2025

## RM392j akaun MADA tidak disahkan

**PETALING JAYA:** Sejumlah RM392.95 juta di Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak dapat disahkan dengan Imbangan Duga yang dijana daripada Sistem Perakaunan SAGA Versi 8.0 kerana dokumen sokongan tidak dapat dikemukakan.

Ia melibatkan enam item di Penyata Kedudukan Kewangan iaitu Hartanah, Loji dan Peralatan, Kumpulan Wang Am, Akaun Khas, Geran Tertunda, Kumpulan Wang Pengurusan dan Kumpulan Wang Rizab.

Selain itu, tujuh item di Penyata Prestasi Kewangan juga terlibat iaitu Pelbagai Penerimaan, Perbelanjaan-perbelanjaan Lain, Perbelanjaan Kumpulan Wang Rizab, Perbelanjaan Pembangunan, Susut Nilai, Pelunasan dan Cukai.

Hal ini berlaku disebabkan Sistem Perakaunan SAGA yang digunakan tidak memenuhi kehendak Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

Oleh itu, MADA telah membuat pelarasan secara manual di luar Sistem Perakaunan SAGA menyebabkan baki awal bagi item di Penyata Kedudukan Kewangan tidak dapat disahkan.

MADA telah membuat pelarasan bagi membetulkan kesilapan tahun 2022. Kesilapan itu melibatkan tiada perekodan terhadap Wang Pendahuluan Projek berjumlah RM2.81 juta, Akaun Simpanan Wang Cagaran berjumlah RM1.83 juta, dan perbezaan amaun Hartanah, Loji dan Peralatan berjumlah RM402,359.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

KOSMO | 25 FEBRUARI 2025

## 286 isu dibangkit LKAN disiasat pihak berkuasa



KULASEGARAN

**KUALA LUMPUR -** Sebanyak 286 isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) disiasat pihak berkuasa setakat Isnin, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), M Kulasegaran.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, 138 isu disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), 116 isu melibatkan siasatan Jawatankuasa Siasatan Dalaman yang diselaraskan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan 32 isu disiasat Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Setakat 14 Januari 2025, JPA telah mengambil tindakan tatatertib terhadap 311 pegawai dan antara tindakan diambil ialah amaran, denda, tangguh pergerakan gaji, turun pangkat dan dibuang kerja, selain dua pegawai awam turut dijatuhkan hukuman oleh mahkamah," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan **S Kesavan (PH-Sungai Siput)** mengenai tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah yang dikenal pasti, setelah pengauditan dijalankan pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat pada Isnin.

Kulasegaran berkata, berdasarkan statistik dari 2012 hingga Januari lalu, sebanyak 12,393 isu telah diaudit, 11,594 isu diselesaikan manakala 799 lagi sedang disusuli.

Dalam pada itu, beliau berkata, Kerajaan Madani memberi tumpuan utama dalam memastikan tatakelola pentadbiran awam ditambah baik dan dipertingkatkan melalui pelbagai reformasi institusi dan memperkenalkan inisiatif baharu antaranya pindaan Akta Audit 1957 yang memberikan skop lebih luas kepada Ketua Audit Negara dalam menjalankan pengauditan.

Kulasegaran berkata, selain itu, pengenalan platform pemantauan dalam talian Jabatan Audit Negara (JAN), Papan Pemuka Dalam Talian Ketua Audit Negara (AGD) membolehkan pemantauan masa nyata, meningkatkan ketelusan serta memastikan tindakan susulan terhadap kelemahan kewangan yang dikenal pasti dalam LKAN. - *Bernama*

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

KOSMO | 25 FEBRUARI 2025



LAPORAN Ketua Audit Negara yang dibentang di Dewan Rakyat semalam mendedahkan lima agensi Persekutuan mengalami kerugian tiga tahun berturut-turut. – GAMBAR HIASAN



## Tiga universiti awam rugi

- UMS, USIM, UPM tak mampu tampung kos operasi
- Direkod 3 tahun berturut-turut

Oleh ZULKIFLI MANZOR

**KUALA LUMPUR** – Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 menyatakan tiga universiti awam (UA) antara lima agensi Persekutuan mengalami kerugian tertinggi selama tiga tahun berturut-turut dari 2021 hingga 2023.

LKAN 1/2025 mengenai Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 yang dibentangkan di Dewan Rakyat semalam menyebut, tiga UA itu adalah Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Berdasarkan laporan itu, punca tiga UA terbabit mengalami kerugian adalah disebabkan geran mengurus dan pendapatan janaan sendiri termasuk yuran pelajar tidak dapat menampung kos operasi.

UMS dilaporkan mengalami kerugian RM141.41 juta pada 2023, RM89.31 (2022) dan RM89.47 juta (2021), manakala UPM kerugian RM127.71 juta (2023), RM81 juta (2022) dan RM118.7 juta (2021).

DEWAN RAKYAT

USIM pula mencatatkan kerugian RM61.6 juta pada 2023, RM2.62 juta pada 2022 dan RM14.21 juta pada 2021.

Dua lagi agensi Persekutuan yang dilaporkan mencatat kerugian adalah Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp).

Pendapatan PPUM terdiri daripada caj rawatan pesakit tidak dapat menampung perbelanjaan operasi, menyebabkan ia mengalami kerugian RM61.3 juta pada 2023, RM50.94 juta (2022) dan RM33.44 juta (2021).

Peningkatan perbelanjaan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam pula menyebabkan SWCorp merekodkan kerugian RM53.9 juta pada 2023, RM87.91 juta (2022) dan RM60.75 juta (2021).

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

KOSMO | 25 FEBRUARI 2025

## PTPTN perlu kaji semula mekanisme kutipan pinjaman

**KUALA LUMPUR** – Tunggakan bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sehingga 31 Disember 2023 mencatatkan jumlah RM10.853 bilion melibatkan seramai 1.2 juta peminjam.

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2023 mengenai Penyata Kewangan Agensi Persekutuan 2023 dibentangkan di Dewan Rakyat semalam mengesyorkan PTPTN mengkaji semula mekanisme kutipan bayaran balik pinjaman pendidikannya.

PTPTN disaran melaksanakan mekanisme yang lebih efektif dan meningkatkan pemantauan terhadap pengurusan pinjaman dengan menetapkan kutipan bersasar mengikut tahun tertunggak.

"Bayaran balik pinjaman pendidikan yang tertunggak juga menunjukkan peningkatan dari 2019 hingga 2023," kata Ketua Audit Negara, Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd. Radzi.

Laporan itu turut mengesyorkan PTPTN mengkaji semula insentif diskaun bayaran balik terhadap pinjaman pendidikan dan pengecualian 100 peratus bayaran balik bagi peminjam yang menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama atau setaraf dengannya kepada peminjam bersasar atau layak.

PTPTN juga disarankan melaksanakan penguatkuasaan yang diluluskan Jemaah Menteri pada 5 Julai 2024 termasuk pengeluaran surat peringatan dan tindakan penguatkuasaan, notis tuntutan, saman serta penghakiman.

> "LKAN mengesyorkan PTPTN mengkaji semula insentif diskaun bayaran balik terhadap pinjaman pendidikan dan pengecualian 100 peratus bayaran balik pinjaman."
>
> **LKAN**




**PTPTN disyorkan supaya melaksanakan mekanisme kutipan bayaran balik pinjaman pendidikannya.** – GAMBAR HIASAN

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

KOSMO | 25 FEBRUARI 2025

KOSMO! SELASA 25 FEBRUARI 2025

## 151 projek guna dana DPF RM23.69 juta bermasalah

**KUALA LUMPUR** – Sebanyak 151 projek dilaksanakan lima universiti penyelidikan melalui Dana Penyelidikan Fundamental (DPF) bernilai RM23.69 juta berada pada tahap bermasalah.

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 mengenai Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 yang dibentangkan di Dewan Rakyat menyebut, sebanyak 1,119 projek bernilai RM148.04 juta pula berada pada tahap kurang memuaskan.

Ketua Audit Negara, Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd. Radzi berkata, pelaksanaan pengurusan DPF oleh lima Universiti Penyelidikan, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) memerlukan pemantauan secara berkala.

"Ia bagi memastikan projek dilaksanakan mengikut perancangan dan mencapai petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan.

"Laporan audit menunjukkan tahap kemajuan projek penyelidikan DPF berada pada tahap kurang memuaskan (53.9 peratus). Hanya 11.3 peratus projek yang dilaksana berada pada tahap baik, sementara 7.3 peratus dikategorikan bermasalah," katanya dalam kenyataan semalam.

LKAN 1/2025 menyatakan, sehingga 1 Disember 2023, sebanyak 2,077 projek penyelidikan DPF bernilai RM285.44 juta sedang dilaksanakan lima universiti penyelidikan.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

NEW STRAITS TIMES | 25 FEBRUARY 2025




## HIGHLIGHTS

- 86 out of 217 federal agency subsidiaries report RM2.8 billion in losses
- Agencies are advised to reduce reliance on grants, strengthen revenue-generation
- Five agencies have more liabilities than assets
- PTPTN told to address RM10.8 billion in student loan arrears

» REPORTS BY **QISTINA SALLEHUDDIN** AND **IYLIA MARSYA ISKANDAR** ON **PAGES 6 & 7**

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## NEW STRAITS TIMES | 25 FEBRUARY 2025



NEWS / Nation



*The National Assembly building in Hanoi. New Zealand Prime Minister Christopher Luxon, Timor Leste President Jose Ramos-Horta and Thai Prime Minister Paetongtarn Shinawatra are expected to attend the Asean Future Forum in the Vietnamese capital.* AFP PIC

SECOND VISIT

# 'VIETNAM VISIT KEY TO MALAYSIA'S ASEAN ROLE'

Asean Future Forum a platform to state our position, priorities, says envoy



SYARIFAH DAYANA SYED BAKRI

HANOI

PRIME Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim's visit to Vietnam for the Asean Future Forum will promote and safeguard Malaysia's goals as Asean chair.

It is also seen as a platform to state Malaysia's position on discussions related to Asean's future.

Malaysia's ambassador to Vietnam, Datuk Tan Yang Thai, said yesterday that Anwar's participation in the event organised by Vietnam not only strengthens ties between the two countries, but also highlights the camaraderie and unity among Asean states.

"This forum plays a crucial role in maintaining Malaysia's visibility as Asean chair.

Participation in this forum allows Anwar to set Malaysia's priorities ahead of the summit.

He said this during a media session with Malaysian media here as part of Anwar's working visit to Vietnam.

Tan said the forum is being held for the second time and has attracted strong participation from stakeholders.

Other notable figures expected to attend include New Zealand Prime Minister Christopher Luxon, Timor Leste President Jose Ramos-Horta, Thai Prime Minister Paetongtarn Shinawatra and European Commission president Ursula von der Leyen, who will appear via a video message.

He said Anwar will deliver the keynote address at the forum.

His speech will focus on:

**EFFORTS** to strengthen Asean in facing pressures from major powers;

**ENHANCING** the bloc's digital economic agenda;

**DRIVING** green initiatives and prioritising sustainable development to secure the future of member states.

Moreover, he added, this forum will serve as a platform for government and non-government representatives to discuss issues for Asean's future, including:

**GLOBAL** trends that affect Asean leading up to 2035;

**REINFORCING** its core principles to face challenges',

**REGIONAL** cooperation for resilient and sustainable development;

**MANAGING** new technologies for comprehensive security; and

**THE** bloc's role in maintaining peace.

"After delivering the keynote speech on Feb 26, Anwar will join a panel discussion with Vietnamese Prime Minister Pham Minh Chinh, New Zealand Prime Minister Christopher Luxon and Timor Leste President Jose Ramos-Horta," he said.

Malaysia and Vietnam have had diplomatic relations since 1973, and two years ago, both countries celebrated the 50th anniversary of bilateral ties.



*Datuk Tan Yang Thai*

Anwar will be in Hanoi from Feb 25 to 26 at the invitation of Pham Minh Chinh.

He will be accompanied by Deputy Entrepreneur and Co-operatives Development Minister Datuk Seri Ramanan Ramakrishnan, Foreign Ministry secretary-general Datuk Seri Amran Mohamed Zin, Kuala Kangsar member of parliament Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid and Sri Gading MP Aminolhuda Hassan.

This visit will be Anwar's second visit to Vietnam, following his previous visit in July 2023.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## NEW STRAITS TIMES | 25 FEBRUARY 2025

NewStraitsTimes . TUESDAY, FEBRUARY 25, 2025






26 DORMANT

# 86 GOVT SUBSIDIARIES RECORD RM2.8B LOSSES

Auditor general flags 5 with the highest amounts

KUALA LUMPUR

NEARLY 40 per cent of the 217 federal agency subsidiaries reported losses in 2023, amounting to RM2.8 billion.

The latest Auditor General's (AG) Report revealed that 131 companies (60.4 per cent) recorded profits, while the remaining 86 (39.6 per cent) incurred losses.

In a statement on the report tabled in Parliament yesterday, AG Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radhi said of the 217 subsidiaries under 59 agencies, 191 were active and 26 were dormant.

The report disclosed that 21 subsidiaries under five agencies — nine operating domestically and 12 abroad — recorded losses for three consecutive years, totalling RM970.55 million.

"In 2023, three out of 217 subsidiaries were newly established, with a total investment value of RM85.96 million. Of the 217 subsidiaries, 131 (60.4 per cent) recorded profits of RM4.08 billion, while the remaining 86 (39.6 per cent) incurred losses amounting to RM2.81 billion.

"An audit analysis found that 69 subsidiaries under five federal agencies recorded a total profit of RM3.69 billion, while 40 companies suffered losses amounting to RM2.65 billion in the current year," it stated.

The five subsidiaries with the highest losses included those owned by Lembaga Tabung Haj, Employees Provident Fund, Federal Land Development Authority (Felda), Retirement Fund (Incorporated) and the Armed Forces Fund Board.

Only 81 subsidiaries (37.3 per cent) paid dividends — totalling RM2.8 billion — to their respective agencies in 2023.

The report also revealed that five federal agencies had more liabilities than assets.

"Among them were Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) and the Solid Waste Management and Public Cleansing Corporation (SWCorp)."

PR1MA had a net liability of RM342.46 million due to loan funds (sukuk) that must be settled by 2027 and could not be covered by existing assets.

SWCorp's liability amounted to RM140.15 million, primarily due to high concessionaire company payables and accrued expenses compared with its available assets. The audit also found that 20 agencies took RM126.5 billion in loans from the government and financial institutions.

Five out of the 20 had the highest outstanding loans, totalling RM119.841 billion (94.7 per cent) of the overall loan amount.

The highest was the Public Sector Home Financing Board with RM64.08 billion, followed by the National Higher Education Fund Corporation with RM41.13 billion and Felda with RM7.46 billion.

The Malaysian Corruption Watch (MCW) expressed deep concern over the findings.

It said the report highlighted governance failures, poor oversight and a lack of financial accountability, particularly the RM2.8 billion losses incurred by 86 subsidiaries and the 21 that suffered losses for three consecutive years.

"This reflects systemic weaknesses in governance and ineffective financial monitoring. The absence of early corrective measures and intervention shows that existing regulatory mechanisms are not functioning effectively," MCW president Jais Abdul Karim told the *New Straits Times*.

He said if the situation persisted, it would not only be a waste of public funds but also erode public trust in government financial management.

"Many government subsidiaries fail to provide clear and detailed financial disclosures, making monitoring more difficult.

"The government must mandate stricter financial disclosures and ensure all subsidiaries undergo regular independent audits to prevent mismanagement and financial leakage."

To prevent continued losses, Jais urged the government to implement immediate reforms, including appointing qualified and high-integrity individuals to lead government-linked companies (GLCs), mandating annual independent audits with strict enforcement, and introducing policies to close or restructure underperforming companies within a time frame.

"The accountability of board members and management must be strengthened to ensure they are responsible for every decision made," he added.

Jais also called for legal action against those responsible for repeated losses.

"Enforcement mechanisms must be empowered to ensure accountability in managing public funds.

"MCW urges the government to take immediate reform measures to ensure that GLCs are more competitive, transparent and accountable to the people."

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

NEW STRAITS TIMES | 25 FEBRUARY 2025

## Cut reliance on grants, agencies told

**KUALA LUMPUR:** All federal agencies have been advised to reduce their reliance on government grants and optimise their utilisation to enhance the efficiency of their services.

They are also encouraged to strengthen their revenue generation efforts to ensure the sustainability of their operations.

These recommendations were highlighted in the Federal Agencies' Financial Statements for 2023, published yesterday.

Government grants are categorised into two types: operating, which covers operational costs for the year, and development, which includes research, trust and other grants aimed at implementing programmes and activities in line with each agency's functions and objectives.

In 2023, 98 out of 142 federal agencies received operating and/or development grants amounting to RM33.62 billion, comprising RM16.30 billion for operating grants and RM17.32 billion for development grants.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## NEW STRAITS TIMES | 25 FEBRUARY 2025




# SWCorp's future uncertain after losses 3 years in a row

**KUALA LUMPUR:** The Solid Waste Management and Public Cleansing Corporation (SWCorp)'s ability to keep operating is uncertain despite an annual government grant and its own revenue.

Auditor General Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radhi, in the latest AG's report, said SWCorp's financial position up to Dec 31, 2023, was considered a "going concern", having experienced losses for three consecutive years.

"Its cash and cash equivalents are insufficient to cover payments to concessionaire company creditors," it said.

In 2023, SWCorp recorded RM2.24 billion in revenue, which included management grants and disbursed grants of RM1.545 billion, representing 69 per cent of its total revenue.

However, its expenditure was RM2.29 billion.

"The federal grant received by SWCorp in 2023 increased by RM46.63 million (3.1 per cent) compared with RM1.498 billion in 2022.

"From 2021 to 2023, federal grants accounted for more than 65 per cent of its total revenue.

"In 2023, total expenditure exceeded its RM2.24 billion revenue.

"These operating expenses resulted in a current-year deficit of RM53.9 million."

A large portion of these operating expenses was attributed to solid waste collection and public cleansing services, costing RM2.014 billion in 2023.

The report added that SWCorp's liabilities continued to increase relative to its assets from 2021 to 2023.

Additionally, it recorded a net current liability position of RM145.87 million.

"The high current liabilities in 2023 were due to outstanding payments to concessionaire company creditors of RM681.78 million.

"These payments remain unsettled up to the 2023 financial year, due to discrepancies in the outstanding amounts SWCorp has not agreed upon."

Meanwhile, the Malaysian Fisheries Development Authority (LKIM) was the only federal agency to receive a "Modified Opinion" in the AG's Certificate for three consecutive years since 2021.

The report attributed the rating to ongoing errors in recording and recognising items in LKIM's financial statements, despite adjustments.

"LKIM must refine its standard operating procedures, provide financial training for officers and upgrade its financial system to align with Malaysian Public Sector Accounting Standards.

"It must also ensure better coordination between divisions or units involved in project development."

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## NEW STRAITS TIMES | 25 FEBRUARY 2025

RECOMMENDATIONS

# 'PTPTN MUST REVIEW PAYMENT MECHANISM'

Auditor general says loan arrears have reached RM10.8 billion

IYLIA MARSYA ISKANDAR
AND QISTINA SALLEHUDDIN
**KUALA LUMPUR**
dayana@mediaprima.com.my



*Some 1.2 million National Higher Education Fund Corporation borrowers have yet to settle their loans.* NSTP FILE PIC

THE Auditor General's Report, tabled in Parliament yesterday, has recommended that the National Higher Education Fund Corporation (PTPTN) review its repayment mechanism.

This, said Auditor General Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radhi, was to ensure greater effectiveness in monitoring education loan management.

She recommended implementing targeted collections based on the number of years in arrears to improve repayment efficiency.

She said it was also to ensure that PTPTN does not rely on loans from financial institutions to carry out its functions.

She recommended reviewing discount incentives for repayments and the full exemption of loan repayments for borrowers who graduate with a first-class honours degree or its equivalent, specifically for eligible or targeted borrowers.

The report also proposed that PTPTN implement enforcement actions approved by the cabinet on July 5, 2024, including issuing reminder letters, sending demand notices, filing suits and obtaining judgments.

Some 1.2 million borrowers have yet to settle their loans, resulting in outstanding debts of RM10.8 billion up to Dec 31, 2023.

Wan Suraya said outstanding education loan repayments had increased from RM7.316 billion in 2019.

She said the duration of arrears ranged from less than one year to more than 12 years.

The report said loan repayments from 2014 to 2023 amounted to RM26.414 billion, involving 106.09 million transactions.

Wan Suraya said one of PTPTN's efforts to improve repayment collection was the resumption of enforcement actions, which had been halted since 2018.

"In line with this, the cabinet meeting on July 5, 2024, approved PTPTN's request through a memorandum from the higher education minister on the 'Proposal to Reinstate PTPTN Loan Repayment Enforcement'.

"Other measures taken by PTPTN include issuing reminder letters, which were sent on Nov 11, 2024, to 25,257 borrowers.

"The notice of demand letters were issued beginning Nov 26, 2024, involving 3,580 borrowers up to Dec 14, 2024, with actions ongoing."

PTPTN has blacklisted defaulters from travelling abroad, with emails sent to 10,388 borrowers from Dec 16, 2024.

PTPTN has also intensified campaigns to recover loans.




"PTPTN is considering appointing a debt collection agency starting in 2025."

The report said PTPTN has established collaborations with partners, including government agencies and private employers, increasing repayments to RM120.10 million up to Dec 31, 2024.

Up to Dec 31, 2023, the outstanding loan capital from local financial institutions stood at RM41.130 billion, compared with RM41.500 billion in 2022.

"The government has funded the loan or sukuk capital costs by providing grants totalling RM8.359 billion to PTPTN from 2019 to 2023.

"Up to Nov 30, 2024, there has been a reduction in outstanding loan arrears amounting to RM640.09 million, or 5.9 per cent, from RM10.853 billion, involving 1.2 million borrowers with arrears up to 2023."

Meanwhile, an economist suggested payroll-based salary deductions, similar to Employees Provident Fund (EPF) contributions, could improve repayment rates for PTPTN loans while also reducing administrative costs.

Universiti Teknologi Mara's Malaysian Academy of SME and Entrepreneurship Development coordinator Dr Mohamad Idham Md Razak said Malaysia could emulate the United Kingdom's Student Loans Company, which has seen higher compliance through automatic payroll deductions.

"Successful implementation depends on robust legal frameworks that protect borrower confidentiality and shield low-income workers from financial strain.

"By adopting a graduated deduction system of three to five per cent on salaries exceeding RM3,000 per month, Malaysia can ensure fairness, while offering opt-out provisions for those facing financial hardship."

He also proposed an income-contingent repayment (ICR) model, where loan repayments scale according to borrowers' earnings.

"This model, seen in Australia's Higher Education Contribution Scheme – Higher Education Loan Programme, alleviates the burden on low-income graduates while ensuring long-term financial sustainability."

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

NEW STRAITS TIMES | 25 FEBRUARY 2025

TUESDAY, FEBRUARY 25, 2025 • New Straits Times



## Three varsities among top loss-making agencies

**KUALA LUMPUR:** Three public universities are among the five federal agencies that recorded the highest losses from 2021 to 2023.

These universities are Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Putra Malaysia (UPM), and Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

According to the Auditor General's Report on the federal agencies' financial statements for 2023, tabled in the Dewan Rakyat yesterday, the other two agencies that recorded significant losses were the Universiti Malaya Medical Centre (PPUM) and the Solid Waste Management and Public Cleansing Corporation.

The report stated that these losses were due to operational grants and self-generated income, such as student fees, being insufficient to cover expenses.

UMS recorded a loss of RM141.41 million in 2023, an increase from RM89.31 million in 2021 and RM89.47 million in 2022.

UPM reported a loss of RM127.71 million in 2023, compared with RM81 million in 2022 and RM118.7 million in 2021.

USIM recorded a loss of RM44.02 million in 2023, RM2.62 million in 2022, and RM14.21 million in 2021.

For PPUM, its income, which primarily comes from patient treatment charges, was insufficient to cover operational expenses, leading to a loss of RM61.3 million in 2023, compared to RM50.94 million in 2022 and RM33.44 million in 2021.

SWCorp recorded a loss of RM53.9 million in 2023, an improvement from RM87.91 million in 2022 and RM60.75 million in 2021.

The increase in solid waste collection and public cleansing service expenses was identified as the main cause of its losses.

Universiti Teknologi Mara also recorded losses in 2023.

It reported expenditures amounting to RM3.80 billion, exceeding its revenue of RM3.59 billion, resulting in a shortfall of RM0.21 billion.

This was partly due to a decline in other income, as UiTM made adjustments to its policies on staff benefit provisions, doubtful debt provisions and asset valuation.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

NEW STRAITS TIMES | 25 FEBRUARY 2025

## Govt clears 11,594 audit cases, 799 under review

**KUALA LUMPUR:** A total of 12,393 cases have been identified following audits of government agencies conducted from 2012 through to January this year.

Deputy Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) M. Kulasegaran said of the total, 11,594 issues had been resolved, while 799 remained under review.

"Up to Feb 24, 32 cases are under investigation by police, 138 are being investigated by the Malaysian Anti-Corruption Commission and 116 cases involve investigations by the Special Investigation Committee and the Internal Investigation Committee, coordinated by the Public Service Department."

He said this during the question-and-answer session in the Dewan Rakyat yesterday.

Kulasegaran was responding to a supplementary question from Kesavan Subramaniam (PH-Sungai Siput), who asked about follow-up action on misconduct cases identified by the National Audit Department.

He said up to Jan 14, PSD had taken disciplinary action against 311 officers, including warnings, fines, salary suspensions, demotions and dismissals.

"Two civil servants have been convicted. The integrity of government officers and staff is of utmost importance and cannot be compromised."

Earlier yesterday, the AG report revealed that five federal government agencies had liabilities exceeding their assets.

According to Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radhi, an audit of 142 agencies showed that they held assets worth RM2.6 trillion but liabilities totalling RM871 billion.

The audit also discovered that 20 agencies had taken loans amounting to RM126.5 billion from the government and financial institutions. Of these, five loans, totalling RM99 billion, were guaranteed by the federal government.

Kulasegaran said the government was focused on improving and enhancing public administration governance through institutional reforms and the introduction of new initiatives, including amendments to the Audit Act of 1957.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

HARIAN METRO| 25 FEBRUARI 2025




KULASEGARAN pada sesi jawab lisan ketika Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen ke-15 di Dewan Rakyat, semalam.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

## 138 isu disiasat SPRM

**Kuala Lumpur**

Sebanyak 286 isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) disiasat pihak berkuasa setakat hari ini, kata ***Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) M Kulasegaran.***

Beliau berkata daripada jumlah itu, 138 isu disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), 116 isu melibatkan siasatan Jawatankuasa Siasatan Dalaman yang diselarasakan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan 32 isu disiasat Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Setakat 14 Jan 2025, JPA telah mengambil tindakan tatatertib terhadap 311 pegawai dan antara tindakan diambil ialah amaran, denda, tangguh pergerakan gaji, turun pangkat dan dibuang kerja, selain dua pegawai awam turut dijatuhkan hukuman oleh mahkamah," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan ***S Kesavan (PH-Sungai Siput)*** mengenai tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah yang dikenal pasti, setelah pengauditan dijalankan pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakya, semalam.

Kulasegaran berkata berdasarkan statistik dari 2012 hingga Januari lepas, sebanyak 12,393 isu telah diaudit, 11,594 isu diselesaikan manakala 799 lagi sedang disusuli.

Dalam pada itu, beliau berkata Kerajaan Madani memberi tumpuan utama dalam memastikan tatakelola pentadbiran awam ditambah baik dan dipertingkatkan melalui pelbagai reformasi institusi, dan memperkenalkan inisiatif baharu antaranya pindaan Akta Audit 1957 yang memberikan skop lebih luas kepada Ketua Audit Negara dalam menjalankan pengauditan.

Kulasegaran berkata selain itu, pengenalan platform pemantauan dalam talian Jabatan Audit Negara (JAN), Papan Pemuka Dalam Talian Ketua Audit Negara (AGD) membolehkan pemantauan masa nyata, meningkatkan ketelusan serta memastikan tindakan susulan terhadap kelemahan kewangan yang dikenal pasti dalam LKAN.

"Sistem AGD merupakan inisiatif JAN dalam membantu mempercepat penyelesaian isu audit dan meningkatkan prestasi tadbir urus dalam sektor awam secara keseluruhan.

"Dengan pengawasan berterusan dan ketelusan yang dipertingkatkan, kerajaan dapat mengurangkan ketirisan serta meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan di sektor awam," katanya dan menambah dalam tempoh pentadbiran Kerajaan Madani, isu dibangkitkan dalam LKAN juga dibahaskan secara terbuka di Dewan Rakyat.

Beliau menjawab soalan asal ***Jamaludin Yahya (PN-Pasir Salak)*** yang ingin tahu langkah kerajaan untuk memastikan setiap peruntukan dana awam yang diumumkan dalam Belanjawan tidak disalewengkan memandangkan LKAN masih menunjukkan kelemahan pengurusan kewangan di banyak agensi kerajaan.

> Kerajaan beri tumpuan utama pastikan tatakelola pentadbiran awam ditambah baik

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

HARIAN METRO| 25 FEBRUARI 2025

## 133 penyata kewangan agensi persekutuan diberi sijil tanpa teguran

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 133 daripada 142 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi tahun 2023 telah menerima Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran, kata Ketua Audit Negara Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi.

Beliau berkata sembilan agensi menerima sijil dengan Pendapat Diubahsuai, termasuk lapan dengan Pendapat Berteguran dan satu dengan Pendapat Bertentangan.

"Hanya satu agensi mendapat pensijilan Pendapat Diubahsuai bagi tiga tahun berturut-turut dari 2021 hingga 2023, berbanding tiga agensi pada tahun sebelumnya," katanya dalam kenyataan hari ini susulan pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 di Dewan Rakyat semalam.

Wan Suraya berkata setakat 8 Januari, sebanyak 142 daripada 145 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan bagi tahun 2023 telah dikemukakan dan selesai pensijilan oleh Ketua Audit Negara.

Beliau berkata tiga agensi masih belum mengemukakan penyata kewangan mereka, iaitu Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA), Tabung Kebajikan Kakitangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (TLFSA) dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar).

Wan Suraya berkata laporan mendapati 142 Agensi Persekutuan memiliki aset berjumlah RM2.696 trilion berbanding liabiliti RM0.871 trilion namun lima agensi mencatatkan liabiliti melebihi aset mereka.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

HARIAN METRO | 25 FEBRUARI 2025

## PTPTN perlu kaji semula mekanisme kutipan bayaran pinjaman

**Kuala Lumpur:** Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) perlu mengkaji semula mekanisme kutipan bayaran balik pinjaman pendidikan dan meningkatkan pemantauan terhadap pengurusan pinjaman pendidikan agensi itu.

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 mengenai Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 menyebut bahawa sehingga 31 Disember 2023, tunggakan bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN berjumlah RM10.853 bilion melibatkan 1.2 juta peminjam.

"Bayaran balik pinjaman pendidikan yang tertunggak juga menunjukkan peningkatan dari tahun 2019 hingga 2023," kata Ketua Audit Negara Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi dalam kenyataan susulan pembentangan LKAN 1/2025 di Dewan Rakyat, semalam.

Mengenai pelaksanaan pengurusan Dana Penyelidikan Fundamental (DPF) oleh lima universiti penyelidikan (RU) awam, Wan Suraya berkata ia memerlukan pemantauan berkala.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

KOSMO | 25 FEBRUARI 2025

## 131 syarikat subsidiari Persekutuan untung RM4.087 bilion

**KUALA LUMPUR –** Sebanyak 131 atau 60.4 peratus daripada 217 syarikat subsidiari agensi Persekutuan mencatatkan keuntungan berjumlah RM4.087 bilion, manakala baki 86 atau 39.6 peratus syarikat mengalami kerugian RM2.810 bilion.

Ketua Audit Negara, Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd. Radzi dalam kenyataan berkata, hanya 81 atau 37.3 peratus daripada 217 syarikat subsidiari itu telah membayar dividen RM2.829 bilion kepada 32 agensi Persekutuan pada 2023.

"Daripada jumlah tersebut, 14 atau 17.3 peratus telah membayar dividen berjumlah RM1.432 bilion kepada 10 agensi Persekutuan walaupun mengalami kerugian pada tahun semasa," katanya mengulas Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 mengenai Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 yang dibentangkan di Dewan Rakyat semalam.

Berdasarkan laporan itu, syarikat subsidiari di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mencatatkan kerugian paling tinggi membabitkan nilai RM0.94 bilion.

Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mencatatkan kerugian RM0.72 bilion, manakala empat syarikat subsidiari Lembaga Tabung Haji (TH) kerugian RM0.69 bilion.

Dua syarikat subsidiari Felda pula merekodkan kerugian RM0.17 bilion, manakala lapan syarikat di bawah Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) mencatatkan kesusutan RM0.14 bilion.

LKAN 1/2025 mengesyorkan agensi Persekutuan mengkaji semula hala tuju dan pelan perniagaan syarikat subsidiari yang mengalami kerugian selama tiga tahun berturut-turut atau tidak memberi pulangan sewajarnya.

Laporan itu turut menyarankan agensi Persekutuan menilai dan memberi pertimbangan untuk menutup syarikat subsidiari berstatus dorman atau tidak aktif melebihi lima tahun supaya tidak membebankan entiti masing-masing.

Terdahulu, Wan Suraya memaklumkan, sebanyak 59 agensi Persekutuan mempunyai 217 syarikat subsidiari dengan pelaburan berjumlah RM65.145 bilion.

Kata beliau, daripada jumlah tersebut, 191 syarikat subsidiari berstatus aktif, manakala 26 berstatus dorman dan tiga daripada 217 syarikat subsidiari merupakan syarikat baharu yang ditubuhkan dengan nilai pelaburan sejumlah RM85.96 juta.

Beliau berkata, pada 2023, sebanyak 39 agensi Persekutuan memberikan pendahuluan dan pinjaman kepada 94 syarikat subsidiari berjumlah RM16.849 bilion.

Katanya, ia terdiri daripada pendahuluan kepada 81 syarikat subsidiari berjumlah RM14.105 bilion dan pinjaman kepada 13 syarikat subsidiari berjumlah RM2.744 bilion.

"Lebihan semasa selepas cukai dan zakat berjumlah RM73.886 bilion telah direkodkan oleh 97 agensi, manakala 45 agensi mengalami kurangan semasa berjumlah RM2.011 bilion pada 2023," katanya.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## UTUSAN MALAYSIA | 25 FEBRUARI 2025

### Kerajaan terima teguran Ketua Audit Negara



AHMAD Zahid Hamidi menziarahi keluarga Allahyarham Ishsam Shahruddin di Desa Seri Ampang di Ipoh hari ini. - UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

IPOH: Kerajaan berlapang dada dan bersikap terbuka menerima teguran berhubung kerugian berjumlah RM2.66 bilion oleh 40 buah syarikat subsidiari daripada lima agensi Persekutuan seperti mana dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, walaupun belum meneliti secara terperinci laporan berkenaan namun berharap agar semua syarikat pegangan dan anak syarikat mematuhi garis panduan yang ditetapkan Perbendaharaan.

"Ini juga diikuti sepenuhnya oleh syarikat yang berada di mana-mana badan berkanun. Kita harap apabila perkara ini menjadi laporan tahunan dan dibentangkan untuk dibahaskan oleh ahli-ahli Parlimen, maka kita berlapang dada.

"Kita juga berhati terbukalah untuk menerima sebarang teguran yang telah dikemukakan oleh Laporan Ketua Audit Negara," katanya ketika ditemui selepas menziarahi keluarga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Kuning, Allahyarham Ishsam Shahruddin di Desa Seri Ampang, di sini hari ini.

Ishsam, 59, meninggal dunia selepas tidak sedarkan diri ketika menyertai perlawanan bola sepak persahabatan empat penjuru di Stadium Bandaraya di George Town, Pulau Pinang kira-kira pukul 6 petang, Sabtu lalu.

Media sebelum ini melaporkan, sebanyak 40 syarikat subsidiari daripada lima agensi Persekutuan mencatatkan kerugian bernilai RM2.66 bilion dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merekodkan kesusutan tertinggi pada 2023.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## UTUSAN MALAYSIA | 25 FEBRUARI 2025

### Sifat IPTA bukan berniaga – Zambry



ZAMBRY ABDUL KADIR

KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan Tinggi akan meneliti secara menyeluruh Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 yang mendedahkan bahawa tiga universiti awam mengalami kerugian selama tiga tahun berturut-turut.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Zambry Abdul Kadir berkata, pihaknya akan melihat lebih terperinci mengenai kerugian yang dialami oleh tiga universiti terbabit.

Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa institut pengajian tinggi awam (IPTA) bukanlah sebuah entiti berorientasikan perniagaan.

"Saya akan melihat semula secara terperinci berkaitan dengan tiga universiti awam kerana IPTA kerugiannya bukan berniaga. Apa yang kita perlu tahu sifat IPTA bukan berniaga.

"Jadi mengenai laporan ini, saya akan semak semula kerugian dalam bentuk apa dan saya akan dapatkan dengan lebih terperinci," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Peluncuran Program Industri dan Profesional Kementerian Pendidikan Tinggi (KPTiP), di sini hari ini.

Semalam, tiga buah universiti awam antara lima agensi persekutuan dilaporkan mengalami kerugian berturut-turut tertinggi sepanjang tiga tahun berturut-turut iaitu antara 2021 hingga 2023.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## MALAYSIA TRIBUNE | 25 FEBRUARI 2025




Zambry sedang bercakap kepada pemberita selepas hadir merasmikan Program Pensijilan Industri dan Profesional di Kuala Lumpur, hari ini.

Home/BERITA SEMASA/KPT akan teliti laporan LKAN mengenai kerugian tiga universiti awam
BERITA SEMASA

### KPT akan teliti laporan LKAN mengenai kerugian tiga universiti awam

KUALA LUMPUR – Kerugian kewangan yang dialami oleh tiga universiti awam, seperti yang diketengahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) semalam akan akan diteliti dan diperincikan dalam masa masa terdekat.

Menterinya, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata, beliau sendiri sedang meneliti laporan kerugian tersebut.

"Saya akan meneliti butirannya, terutamanya yang berkaitan dengan tiga universiti ini.

"(Bagaimanapun) IPTA bukan perniagaan. Perkara ini perlu difahami," katanya.

Zambry berkata demikian kepada pemberita selepas hadir melancarkan Program Pensijilan Industri dan Profesional, di sebuah hotel di sini hari ini.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## BERITA HARIAN ONLINE | 25 FEBRUARI 2025

### 'IPTA sifatnya bukan berniaga' - Zambry

Oleh Latifah Arifin - Februari 25, 2025 @ 6:13pm
latifah@bh.com.my




Zambry bercakap kepada pemberita pada Majlis Peluncuran Program Tauliah Industri dan Profesional KPT (KPTiP), hari ini. - NSTP/SAIFULLIZAN TAMADI

KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sedang mendapatkan maklumat terperinci berhubung Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 yang menyenaraikan tiga universiti awam (UA) sebagai antara lima agensi Persekutuan mengalami kerugian tiga tahun berturut-turut tertinggi dari 2021 hingga 2023.

Tiga UA terbabit ialah Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Menurut LKAN 1/2025 mengenai Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 yang dibentangkan di Dewan Rakyat, semalam, dua lagi agensi yang mencatat kerugian itu ialah Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) serta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp).

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, berkata pihaknya masih mengumpul maklumat lanjut mengenai laporan itu.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## MYMETRO ONLINE | 25 FEBRUARI 2025



Ipoh: Syor yang diketengahkan menerusi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) agar agensi Persekutuan dapat mengurangkan tahap kebergantungan terhadap geran kerajaan memerlukan masa untuk dilaksanakan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, ia bagi meneliti pelbagai perkara terutama aspek sumbangan keuntungan untuk aktiviti yang dilakukan oleh sesebuah badan induk yang memperoleh geran berkenaan.

"Ia akan mengambil masa. Bagaimanapun tentunya yang penting kita mahukan semua syarikat pegangan dan anak syarikat mematuhi garis panduan yang ditentukan oleh perbendaharaan.

"Selepas itu jika ada keuntungan dalam bentuk dividen, keuntungan itu barulah digunakan untuk pembiayaan mana-mana badan yang jadi badan induk kepada syarikat pegangan dan anak syarikat yang menjalankan urus niaga yang berkenaan," katanya selepas menziarahi keluarga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Ayer Kuning Allahyarham Ishsam Shahruddin di sini hari ini.

Terdahulu, media melaporkan LKAN 1/2025: Penyata Kewangan Agensi Persekutuan 2023 yang diterbitkan semalam menyarankan semua agensi Persekutuan mengurangkan tahap kebergantungan terhadap geran kerajaan, selain mengoptimumkan penggunaannya bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan entiti masing-masing.

Laporan itu juga menyarankan agensi Persekutuan memperkasakan usaha penjanaan hasil bagi memastikan entiti masing-masing berupaya meneruskan operasi berdasarkan usaha berterusan.

Sementara itu, Ahmad Zahid berkata semua pihak harus berlapang dada dan berhati terbuka dalam menerima teguran yang dikemukakan menerusi LKAN terbabit yang menunjukkan kerugian berjumlah keseluruhan RM2.66 bilion daripada 40 syarikat subsidiari daripada lima agensi Persekutuan.

Menurutnya, ketika ini beliau belum sempat meneliti laporan itu secara terperinci namun mengharapkan agar semua syarikat pegangan serta anak syarikat berkaitan mematuhi garis panduan yang sudah ditentukan oleh perbendaharaan.

Semalam media melaporkan sebanyak 40 syarikat subsidiari daripada lima agensi Persekutuan mencatatkan kerugian berjumlah RM2.66 bilion dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merekodkan kesusutan paling tinggi pada tahun 2023.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## ASTRO AWANI ONLINE | 25 FEBRUARI 2025

NATIONAL

**LKAN 1/2025: Nilai semula kadar elaun Ahli Lembaga, KPI syarikat subsidiari - Penganalisis**

astro AWANI Irfan Faruqi
25/02/2025 | 21:36 MYT




Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada Isnin - Gambar fail/Astro AWANI

**KUALA LUMPUR:** Teguran yang dikemukakan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025, perlu disusuli dengan tindakan penilaian semula operasi syarikat-syarikat subsidiari dan agensi-agensi kerajaan dengan segera.

### Ringkasan AI

- Penilaian Semula Operasi: Teguran dalam LKAN perlu disusuli dengan tindakan penilaian semula operasi syarikat-syarikat subsidiari dan agensi-agensi kerajaan dengan segera.Penetapan Semula Elaun dan KPI: Penetapan semula elaun ahli Lembaga Pengarah (ALP) dan Indeks Prestasi Utama (KPI) bagi setiap entiti terbabit, dengan elaun yang diberikan berdasarkan prestasi dan kehadiran.Larangan Lantikan Ahli Politik Aktif: Cadangan agar larangan lantikan ahli politik aktif dalam mana-mana entiti kerajaan dilaksanakan dengan lebih tegas, selaras dengan garis panduan tadbir urus yang baik.

Penganalisis berpendapatan, dua aspek yang boleh dilihat ialah dari segi penetapan semula elaun ahli Lembaga Pengarah (ALP) dan Indeks Prestasi Utama (KPI) bagi setiap entiti terbabit.

Pengarah Program MBA, Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff mencadangkan, kadar dan kaedah pembayaran elaun ALP diberikan sesuai dengan prestasi entiti yang disertai.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## ASTRO AWANI ONLINE | 25 FEBRUARI 2025

NATIONAL

**LKAN 1/2025: Jangan rasionalisasi subsidi rakyat sahaja, agensi rugi juga perlu ditarik dana - Penganalisis**

astro AWANI
Irfan Faruqi
25/02/2025 | 21:31 MYT




Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada Isnin - Gambar fail/Astro

**KUALA LUMPUR:** Usaha kerajaan untuk memastikan perbelanjaan dana awam yang lebih hemat dan bersasar tidak boleh hanya digalas oleh orang awam semata-mata.

### Ringkasan AI

- Rasionalisasi Subsidi dan Penghentian Pembaziran: Langkah rasionalisasi subsidi terhadap rakyat perlu diselaraskan dengan menghentikan pembaziran oleh agensi kerajaan yang mencatat kerugian.Pelan Pemulihan untuk Agensi Rugi: Agensi yang mencatatkan kerugian mesti mengemukakan pelan pemulihan dalam tempoh enam bulan atau berdepan dengan penamatan operasi.Audit 'Value for Money': Pelaksanaan audit 'value for money' bagi memastikan setiap perbelanjaan memberikan impak yang maksimum.

Penganalisis berpandangan syarikat-syarikat subsidiari dan agensi-agensi kerajaan juga perlu bertanggungjawab dengan memastikan tidak ada dana awam yang dibazirkan.

Prof. Madya Sekolah Politik dan Hubungan Antarabangsa Fakulti Sains Sosial University of Nottingham Malaysia, Dr. Tricia Yeoh berkata, langkah rasionalisasi subsidi terhadap rakyat perlu diselaraskan dengan menghentikan pembaziran oleh agensi kerajaan yang mencatat kerugian.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## SINAR HARIAN ONLINE | 26 FEBRUARI 2025

### Lantik CEO dari sektor swasta

RAIHAM MOHD SANUSI Follow

26 Februari 2025 07:30am
Masa membaca: 3 minit




Laporan Sinar Harian pada Selasa.

SHAH ALAM - Kerajaan disaran membuat perubahan dalam dasar pelantikan ketua pegawai eksekutif (CEO) dan ahli lembaga pengarah syarikat subsidiari agensi persekutuan dengan melantik figura cemerlang dari sektor swasta ke jawatan itu bagi mengelakkan syarikat berkenaan terus mengalami kerugian.

Perunding Kewangan Rakyat merangkap Pengasas Ultra Mind Resources, Shamsuddin Kadir berkata, pelantikan individu yang kompeten dari sektor swasta tersebut diyakini akan dapat memastikan syarikat subsidiari agensi persekutuan lebih berdaya saing.

"Saya berpendapat kena ambil orang luar iaitu dari sektor swasta dan bukan dari sektor kerajaan untuk isi jawatan CEO dan ahli lembaga pengarah ini sebab mentaliti berlainan antara orang makan gaji kerajaan dengan yang makan gaji di sektor swasta.

"Jadi CEO dan ahli lembaga pengarah mesti orang swasta bukannya orang kerajaan yang berpengalaman 40 tahun umpamanya malah orang baharu pun boleh dipertimbangkan kalau dia tunjukkan prestasi cemerlang di syarikat swasta tempat dia bekerja," katanya kepada Sinar Harian pada Selasa.

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada Isnin melaporkan, sebanyak 86 syarikat subsidiari atau 39.6 peratus daripada keseluruhan 217 anak syarikat milik agensi persekutuan merekodkan kerugian berjumlah RM2.81 bilion pada 2023.

Daripada jumlah itu, 40 syarikat subsidiari daripada lima agensi persekutuan mencatatkan kerugian paling tinggi iaitu RM2.66 bilion.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## BERITA HARIAN ONLINE | 26 FEBRUARI 2025

### Berlapang dada terima syor LKAN, perbaiki kesilapan demi duit rakyat

Februari 26, 2025 @ 7:38am

**Minda Pengarang**

Tidak salah untuk kita menganggap 'era pendedahan mengejut Laporan Ketua Audit Negara (LKAN)' dipenuhi dengan kisah luar biasa mengenai ketirisan dan pembaziran hingga membawa kepada polemik serta siasatan pelbagai pihak, semakin ditinggalkan. Beberapa langkah diambil pentadbiran masa kini termasuk dibentang dan dibahaskan di Parlimen serta penambahbaikan dan pengenalan pelbagai inisiatif, ternyata mula menampakkan hasil.

Bagaimanapun, kita tidak boleh berpuas hati dengan pencapaian sebegitu kerana LKAN menjadi cerminan tahap kecekapan, ketelusan dan profesionalisme dalam pengurusan kewangan agensi Persekutuan.

Bermakna setiap sen duit negara diperoleh daripada pelbagai sumber, termasuk cukai daripada rakyat dan industri wajib digunakan secara optimum.

Nasional

### Berlapang dada terima syor LKAN, perbaiki kesilapan demi duit rakyat




Bangunan Audit Negara Putrajaya. - Foto NSTP

Justeru, walaupun semakin kurang pendedahan mengenai ketirisan besar membabitkan salah guna kuasa atau transaksi meragukan, laporan ini masih menunjukkan beberapa kelemahan mendasar yang memerlukan perhatian segera.

Antara aspek mencolok mata adalah isu kecekapan dan profesionalisme pengurusan kewangan yang masih menjadi persoalan utama.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

SINAR HARIAN ONLINE | 26 FEBRUARI 2025

## Syarikat catat keuntungan mampu tingkat lagi prestasi - Pakar

NURUL HUDA HUSAIN Follow

26 Februari 2025 08:20am
Masa membaca: 2 minit




Syarikat subsidiari yang mencatatkan keuntungan seperti terkandung dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 berupaya meningkatkan lagi prestasi untuk tahun seterusnya mengambil kira perkembangan positif ditunjukkan. Gambar hiasan. (Gambar kecil: Barjoyai)

SHAH ALAM - Syarikat subsidiari yang mencatatkan keuntungan seperti terkandung dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 berupaya meningkatkan lagi prestasi untuk tahun seterusnya mengambil kira perkembangan positif ditunjukkan.

Pakar ekonomi dari Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (MUST), Profesor Emeritus Dr Barjoyai Bardai berkata, bagaimanapun syarikat terlibat perlu berhati-hati dalam membuat strategi pelaburan dengan meneliti sebaiknya dasar baharu dilaksanakan Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump.

"Secara asasnya syarikat yang mencatatkan keuntungan ini mampu untuk mengekalkan dan meningkatkan prestasi mereka tetapi dalam masa sama kita tidak boleh nafikan, kedudukannya juga mungkin boleh merosot bergantung kepada agenda yang dikemukakan oleh Trump atau kerajaan baharu AS itu nanti.

"Walaupun jumlah keuntungan yang dicatatkan itu tidak banyak selepas mengambil kira kerugian tetapi kita menjangkakan syarikat-syarikat ini (yang catat keuntungan) boleh meningkatkan prestasi mereka jika strategi dirangka menepati pasaran semasa dunia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai LKAN 1/2025 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada Isnin.

Sementara itu, ditanya mengenai cabang pelaburan baharu yang mungkin boleh dipertimbangkan oleh syarikat terlibat untuk diterokai dalam tempoh satu atau dua tahun, Barjoyai turut mengemukakan beberapa syor.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

SINAR HARIAN ONLINE | 27 FEBRUARI 2025

## Kutipan taksiran cukai berbangkit turun lebih RM5 bilion, LHDNM didesak kawal ketirisan - PAC

AZLEENDA SAHALUDIN Follow

27 Februari 2025 03:20pm
Masa membaca: 2 minit



Datuk Mas Ermieyati

SHAH ALAM - Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mendapati Pengurusan Akaun Belum Terima Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (ABT LHDNM) pada 2023 menunjukkan penurunan ketara sebanyak RM5.794 bilion iaitu 14.3 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN), jumlah ABT LHDNM pada tahun 2023 adalah RM34.591 bilion, berbanding RM40.385 bilion pada 2022 yang berpunca daripada tindakan hapus kira dan taksiran kurangan.

Pengerusi PAC, Datuk Mas Ermieyati Samsudin berkata, pihaknya telah mengadakan tiga prosiding berdasarkan isu tersebut pada 5 dan 26 November 2024 dan 4 Februari tahun ini melibatkan keterangan daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM dan wakil Kementerian Kewangan.

"Antara dapatan utama PAC adalah peningkatan mendadak ABT LHDNM sejak 2017 hingga 2021 yang mencapai RM43.693 bilion sebelum menurun pada 2023.

"Faktor utama taksiran kurangan termasuk rayuan pembayar cukai iaitu 56.2 peratus, keputusan mahkamah (8.2 peratus) dan pengecualian cukai (35.6 peratus)," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Ermieyati turut menegaskan, kawalan ketat perlu dilaksanakan terhadap kuasa kelulusan taksiran kurangan bagi mengelakkan berlakunya ketirisan.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

BERNAMA | 27 FEBRUARI 2025

AM > BERITA

## PAC Syor LHDN Lapor Status E-Invois, Permudah Pembayar Cukai

27/02/2025 03:50 PM




Datuk Mas Ermieyati Samsudin --fotoBERNAMA

Sila emel ke digitalsales@bernama.com untuk berita penuh.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## THE MALAYSIA PRESS | 27 FEBRUARI 2025

### Keperluan Laporan Ketua Audit Negara dibahas di peringkat DUN

S.Abdullah • Berita Utama • February 27, 2025 • 0 Comments




KUALA LUMPUR – Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said mencadangkan agar setiap kerajaan negeri mengambil langkah membahaskan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN).

Menurutnya, langkah itu adalah selari dengan prinsip ketelusan dan akauntabiliti yang dihasratkan oleh Kerajaan Madani.

Azalina menegaskan, berdasarkan maklum balas Jabatan Audit Negara (JAN), laporan-laporan Ketua Audit Negara belum lagi dibahas di peringkat mana-mana DUN.

“Oleh itu saya ambil kesempatan untuk cadangkan agar Kerajaan Negeri ambil langkah ini. Contohi Kerajaan Persekutuan dengan beri peluang kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bahaskan LKAN di DUN masing-masing,

“Ini selaras dengan prinsip ketelusan dan akauntabiliti,” katanya ketika mencadangkan usul bagi membahaskan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN), di Persidangan Dewan Rakyat, di sini, pada Khamis.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## ASTRO AWANI ONLINE | 27 FEBRUARI 2025

NATIONAL

### PAC syor LHDN lapor status e-invois, permudah pembayar cukai

Bernama
27/02/2025 | 16:01 MYT



Mas Ermieyati berkata LHDN perlu menambah baik proses pentaksiran cukai bagi mengurangkan kes rayuan selain memastikan undang-undang diketatkan bagi membendung ketirisan dan penipuan dalam pembayaran cukai. -Gambar fail/Bernama

**KUALA LUMPUR:** Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mencadangkan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) melaporkan status pelaksanaan e-Invois agar kaedah ini dipermudahkan kepada pembayar cukai dan pada masa yang sama pungutan cukai dapat dipertingkatkan.

**Ringkasan AI**

- PAC mencadangkan LHDN melaporkan status pelaksanaan e-Invois untuk mempermudah pembayar cukai dan meningkatkan pungutan cukai.
- LHDN perlu menambah baik proses pentaksiran cukai dan memastikan undang-undang diketatkan bagi membendung ketirisan dan penipuan.
- PAC menyambut baik penambahbaikan proses tadbir urus oleh LHDN dan penggunaan sistem ReMS 2.0 untuk mengesan ketidakpatuhan dalam pemungutan cukai.

Pengerusi PAC Datuk Mas Ermieyati Samsudin berkata LHDN juga perlu menambah baik proses pentaksiran cukai bagi mengurangkan kes rayuan selain memastikan undang-undang diketatkan bagi membendung ketirisan dan penipuan dalam pembayaran cukai.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## TVS | 27 FEBRUARI 2025



*Kerajaan negeri dicadangkan mencontohi Kerajaan Persekutuan untuk membahas Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) di Dewan Undangan Negeri (DUN) masing, kata Datuk Seri Azalina Othman Said. Foto fail, Jabatan Penerangan Malaysia.*

### Dewan Rakyat: LKAN dicadang bahas di DUN

KUALA LUMPUR, 27 Feb: Kerajaan negeri dicadangkan mencontohi Kerajaan Persekutuan untuk membahas Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) di Dewan Undangan Negeri (DUN) masing, kata Datuk Seri Azalina Othman Said.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) itu berkata, berdasarkan maklum balas daripada Jabatan Audit Negara, LKAN setakat ini masih belum dibahaskan di mana-mana DUN.

"Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mencadangkang agar kerajaan-kerajaan negeri mengambil langkah dan mencontohi Kerajaan Persekutuan supaya memberi peluang kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) membahaskan LKAN di DUN masing-masing selaras dengan prinsip ketelusan dan akauntabiliti," katanya.

Azalina berkata demikian ketika mencadangkan usul bagi membahaskan LKAN di Dewan Rakyat, hari ini.

Pada masa sama beliau berkata kerajaan berpendapat LKAN wajar diteruskan perbahasannya di Dewan Rakyat untuk mendapatkan perhatian yang lebih mendalam daripada semua pihak.

"Kerajaan telah empat kali mengemukakan usul perbahasan mengenai LKAN yang mencatat sejarah dalam usaha mempertingkatkan kecekapan, ketelusan dan keberkesanan entiti awam.

"Langkah ini selaras dengan usaha kerajaan untuk memperkukuhkan tadbir urus sektor awam dan diharapkan dapat menyokong pemantauan yang lebih berkesan serta meningkatkan keberkesanan pengurusan kewangan," ujarnya.

Azalina turut menegaskan pentingnya untuk memastikan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) terus berfungsi dengan penuh integriti tanpa dipengaruhi oleh sebarang elemen politik atau kepentingan pihak tertentu. -TVS.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## BERNAMA | 27 FEBRUARI 2025

### PAC Recommends IRB To Report On E-Invoicing Status, Making It Easier For Taxpayers

27/02/2025 03:48 PM




KUALA LUMPUR, Feb 27 (Bernama) -- The Public Accounts Committee (PAC) has recommended that the Inland Revenue Board (IRB) report on the implementation status of e-invoicing to make it easier for taxpayers while improving tax collection.

In a statement today, PAC chairman Datuk Mas Ermieyati Samsudin said the committee also urged the IRB to improve the tax assessment process to reduce appeal cases and ensure that laws are tightened to curb leakage and fraud in tax payments.

"The IRB needs to continue compliance and enforcement actions to ensure that the assessments raised can be collected and do not become account receivables (ABT), and thus increase government revenue," she said.

Additionally, Mas Ermieyati said the IRB must increase its programmes on tax law compliance for all Malaysians, especially companies and individuals that generate income from the digital economy.

She said the PAC commenced proceedings regarding the IRB's ABT on Nov 5, 2024, based on audit findings in the Auditor General's Report (LKAN) 3/2024 - Federal Government Financial Statements for the Year 2023.

The report found that the IRB's ABT in 2023 amounted to RM34.59 billion compared to RM40.39 billion in 2022, representing a decrease of RM5.79 billion (14.3 per cent).

"The decrease in IRB's ABT is due to write-offs and under-assessments raised in 2023," she said.

The PAC held three proceedings on the issue -- on Nov 5, 2024, Nov 26, 2024, and Feb 4, 2025, said Mas Ermieyati.

In the proceedings, she said the IRB reported that it had improved the governance process for underassessment cases exceeding RM10 million to be reviewed by the IRB audit committee.

She said that to strengthen the collection process, the IRB uses the Revenue Management System (ReMS) 2.0, a system developed internally that allows officers to detect cases of non-compliance in the collection process.

-- BERNAMA

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## MALAYSIA GAZETTE | 27 FEBRUARI 2025

NASIONAL SISWA

# 2.1 juta peminjam PTPTN diberi notis peringatan – Zambry

Oleh **Mohammad Arif Nizam** - 27 February 2025




*Menteri Pendidikan Tinggi, Senator Datuk Seri Zambry Abdul Kadir*

KUALA LUMPUR – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mengeluarkan notis peringatan kepada 2.1 juta peminjam yang gagal melaksanakan bayaran pinjaman balik mengikut jadual yang ditetapkan sehingga akhir bulan lalu.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berkata, sehingga kini tindakan itu berjaya menarik sebahagian peminjam untuk berunding dengan PTPTN.

"Bagaimanapun bagi peminjam yang tidak menghiraukan notis ini, tindakan lebih tegas akan diambil berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

"Jadi, kita harap mereka akan segera datang ke PTPTN bagi mengadakan perbincangan," katanya pada sesi penggulungan perbahasan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Dalam laporan itu, Jabatan Audit Negara (JAN) mengesyorkan PTPTN mengkaji semula mekanisme kutipan lebih efektif untuk menangani isu bayaran balik pinjaman pendidikan tertunggak yang menunjukkan peningkatan antara 2019 hingga 2023.

Sehingga 2023, jumlah tunggakan pinjaman pendidikan PTPTN adalah RM10.853 bilion manakala bayaran balik diterima RM3.553 bilion atau mewakili 32.7 peratus.

Trend bayaran balik tunggakan adalah antara 7.3 peratus hingga 79.3 peratus.

Sementara itu, Zambry berkata, buat masa ini, kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan inisiatif diskaun bayaran balik PTPTN seperti yang dibuat sebelum ini.

Menurut beliau, inisiatif itu berjaya meningkatkan kutipan bayaran balik, namun kos yang perlu ditanggung kerajaan juga adalah tinggi.

"PTPTN sebaliknya melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara konsisten. Dengan pelaksanaan semula tindakan penguatkuasaa balik bermula Oktober, terdapat impak yang positif dan kita harap semangat bayaran balik ini akan diteruskan peminjam," katanya.

Mengenai tahap kemajuan penyelidikan di lima universiti penyelidikan (RU) melalui Dana Penyelidikan Fundamental (DPF) yang turut disentuh dalam LKAN, Zambry berkata, universiti awam sudah diminta untuk mengenal pasti projek yang mempunyai isu untuk dipantau dengan dekat secara holistik. – MalaysiaGazette

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## MYMETRO ONLINE | 27 FEBRUARI 2025

### PTPTN keluar notis peringatan kepada 2.1 juta peminjam

Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my



DATUK Seri Dr Zambry Abdul Kadir pada sesi penggulungan Perbahasan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) ketika Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen ke-15 di Dewan Rakyat hari ini. FOTO Bernama.

Kuala Lumpur: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mengeluarkan notis peringatan kepada 2.1 juta peminjam yang gagal melaksanakan bayaran pinjaman balik mengikut jadual yang ditetapkan, sehingga akhir bulan lalu.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, berkata tindakan itu setakat ini berjaya menarik sebahagian peminjam untuk berunding dengan PTPTN.

"Bagaimanapun, bagi peminjam yang tidak menghiraukan notis ini, tindakan lebih tegas akan diambil berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

"Jadi, kita harap mereka akan segera datang ke PTPTN bagi mengadakan perbincangan," katanya pada sesi penggulungan perbahasan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 di Dewan Rakyat, hari ini.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## BERITA HARIAN ONLINE | 27 FEBRUARI 2025

### FELDA belum nikmati manfaat daripada penjualan saham PT Eagle High Plantation - TPM

Oleh Latifah Arifin - Februari 27, 2025 @ 6:07pm
latifah@bh.com.my




Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pada sesi pergulungan Perbahasan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) ketika Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen ke-15 di Dewan Rakyat hari ini. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: FELDA masih belum menikmati manfaat secara langsung daripada penjualan saham

PT Eagle High Plantation Tbk (EHP) berikutan mempunyai tanggungan pinjaman dengan sebuah syarikat di bawah Kementerian Kewangan.

Perkara itu dijelaskan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamid ketika sesi penggulungan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 mengenai Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 di Dewan Rakyat, di sini, petang ini.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) berkata tanggungan pinjaman itu ditetapkan untuk tempoh 20 tahun.

"Mengenai manfaat diperoleh FELDA daripada pelaburan (terbabit), buat masa ini, FELDA masih belum menikmati sebarang manfaat secara langsung.

"Ini kerana FELDA masih mempunyai tanggungan pinjaman dengan GOVCO Holdings Berhad iaitu sebua syarikat di bawah Menteri Kewangan (Diperbadankan)," katanya.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid turut menjawab soalan Nurul Amin Hamid (PN-Padang Terap) berkaitan nilai pelaburan dalam EHP yang dikatakan mengalami penurunan drastik.

Nurul Amin dalam soalannya inginkan kepastian adakah benar jumlah pelaburan bernilai RM2.3 bilion pada 2016 kini hanya bernilai RM200 juta.

"Berkaitan nilai pelaburan dalam EHP, benar. Nilai pelaburan terbabit mengalami penurunan. Ini berpunca daripada penurunan harga saham di Bursa Saham Indonesia yang menjejaskan nilai pegangan FIC Properties dalam syarikat berkenaan," katanya.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## MALAYSIA GAZETTE | 27 FEBRUARI 2025

EKONOMI

### Kementerian Ekonomi komited pastikan pematuhan tatacara kewangan – Hanifah

Oleh **Kasthuri Jeevendran** - 27 February 2025




*Timbalan Menteri Ekonomi yang juga Ahli Parlimen Mukah, Datuk Hanifah Hajar Taib.*

KUALA LUMPUR – Kementerian Ekonomi terus komited dalam memastikan pematuhan tatacara kewangan dan prosedur penggunaan lebihan dana pembangunan bagi program serta projek di bawah Pihak Berkuasa Koridor.

Menurut Timbalan Menteri Ekonomi, Datuk Hanifah Hajar Taib, sebarang penggunaan lebihan dana pembangunan yang melibatkan peruntukan pembangunan Pihak Berkuasa Koridor perlu mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan (MOF).

Ia selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PA 3.2 mengenai Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan.

"Bermula tahun 2024, sebagai langkah penambahbaikan dalam pengurusan dana pembangunan, penyaluran dana hanya akan dibuat secara suku tahunan dan mengikut keperluan bagi memastikan penggunaan peruntukan lebih cekap serta berkesan," katanya ketika sesi penggulungan perbahasan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 bagi Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 di Dewan Rakyat hari ini.

Dalam perbahasan tersebut, Ahli Parlimen Pokok Sena, Datuk Ahmad bin Saad @ Yahaya membangkitkan isu pecahan projek di bawah Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah Utara (NCIA) mengikut jenis dan peratus baki geran yang melibatkan Negeri Kedah.

Hanifah menjelaskan, berdasarkan laporan LKAN, NCIA mempunyai baki geran pembangunan sebanyak RM1.044 bilion, dengan pelunasan tahun 2023 berjumlah RM170 juta.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## UTUSAN MALAYSIA | 27 FEBRUARI 2025

### Felda belum nikmati manfaat penjualan saham PT Eagle High Plantation – TPM




AHMAD ZAHID HAMIDI - JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR: Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) masih belum menikmati manfaat secara langsung daripada penjualan saham PT Eagle High Plantation Tbk (EHP) berikutan mempunyai tanggungan pinjaman dengan sebuah syarikat di bawah Kementerian Kewangan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamid berkata, tanggungan pinjaman itu ditetapkan untuk tempoh 20 tahun.

"Mengenai manfaat diperoleh Felda daripada pelaburan (terbabit), buat masa ini, Felda masih belum menikmati sebarang manfaat secara langsung.

"Ini kerana Felda masih mempunyai tanggungan pinjaman dengan GOVCO Holdings Berhad iaitu sebuah syarikat di bawah Menteri Kewangan (Diperbadankan)," katanya ketika sesi penggulungan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 mengenai Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 di Dewan Rakyat, hari ini.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid berkata, nilai pelaburan dalam EHP turut mengalami penurunan.

Beliau mengulas soalan Nurul Amin Hamid (PN-Padang Terap) mengenai kebenaran jumlah pelaburan bernilai RM2.3 bilion pada 2016 kini hanya bernilai RM200 juta.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## TVS | 27 FEBRUARI 2025




*Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata defisit tersebut berbangkit berikutan keputusan Kementerian Kewangan (MOF) mengurangkan penyaluran fi agensi kepada LHDN daripada RM3.2 bilion pada 2022 kepada RM2.1 bilion bagi 2023. Foto fail Jabatan Penerangan Malaysia*

### Dewan Rakyat: LHDN masih miliki rizab tunai mencukupi

KUALA LUMPUR, 27 Feb: Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mencatatkan defisit semasa sebanyak RM735 juta pada 2023, namun defisit itu tidak dianggap sebagai kerugian yang membimbangkan.

Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan berkata defisit tersebut berbangkit berikutan keputusan Kementerian Kewangan (MOF) mengurangkan penyaluran fi agensi kepada LHDN daripada RM3.2 bilion pada 2022 kepada RM2.1 bilion bagi 2023.

"MOF berbuat demikian setelah mengambil kira kedudukan rizab tunai LHDN yang mencukupi untuk membiayai sebahagian perbelanjaannya pada 2023," katanya ketika penggulungan Usul Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 mengenai penyata kewangan Kerajaan Persekutuan 2023 di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Amir Hamzah turut menjelaskan pada permulaan 2023, LHDN mempunyai baki awal tunai berjumlah RM1.12 bilion.

"Dengan itu, jumlah defisit tahun 2023 ini dapat ditampung melalui sumber dalaman tanpa menjejaskan pengoperasian LHDN dari segi keperluan tunai.

"LHDN juga masih mempunyai jumlah lebih terkumpul yang positif sebanyak RM104.55 juta dan nilai aset bersih sebanyak RM279.66 juta pada 31 Disember 2023,"katanya.

Menurut beliau MOF bertanggungjawab menguruskan kedudukan aliran tunai negara dan memastikan keperluan tunai LHDN mencukupi bagi menjamin kelangsungan peroperasian LHDN dan mencukupi untuk memenuhi tugasannya mencapai sasaran hasil kutipan cukai negara. – TVS

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

BERNAMA | 27 FEBRUARI 2025

AM > BERITA

## Dewan Rakyat Lulus Usul Laporan Ketua Audit Negara 1/2025

27/02/2025 09:19 PM




Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said ketika Pembentangan Perbahasan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) pada Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen ke-15 di Dewan Rakyat hari ini.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## THE SUN | 27 FEBRUARI 2025

Local

### Dewan Rakyat passes motion on Auditor-General's Report 1/2025

Bernama

27-02-2025 10:14 PM



*Pix for visual purposes - BERNAMApix*

**KUALA LUMPUR**: The Dewan Rakyat today passed a motion on the Auditor-General's Report (LKAN) 1/2025 regarding the 2023 financial statements of federal agencies, aiming to review leakages, non-compliance with regulations and conditions, and weaknesses in planning to prevent recurrence.

The motion, tabled by Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said, was passed by a majority vote following a debate by 18 members of parliament.

Higher Education Minister Datuk Seri Dr. Zambry Abd Kadir, in winding up the debate for his ministry, explained that the allocation of management grants to all public universities is based on emoluments needs and the indicative ceiling for annual operating expenditure set by the Ministry of Finance.

Zambry also addressed claims that some public universities had incurred 'losses', saying that he had sought clarification from Auditor-General Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi.

"I was informed that the report does not actually mention the word 'losses'. I also clarified that, fundamentally, public universities are not business entities," he said.

Meanwhile, in her winding up for the ministry, Deputy Minister of Rural and Regional Development Datuk Rubiah Wang said the remaining RM2.39 billion in

She listed that this includes RM715 million in deferred development grants, RM1.59 billion in deferred education sponsorship grants, RM22.2 million in deferred business financing grants, and RM64.1 million allocated for other funds.

"The deferred education sponsorship grants are MARA's commitment to funding education programmes, with payments made progressively based on students' study duration.

"This means that approved sponsorships are not disbursed in full upfront but are paid according to semesters and designated stages," she said.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

BERNAMA | 27 FEBRUARI 2025

GENERAL > NEWS

## Dewan Rakyat Passes Motion On Auditor-General's Report 1/2025

27/02/2025 10:10 PM



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## ASTRO AWANI ONLINE | 27 FEBRUARI 2025

NATIONAL

### Dewan Rakyat lulus usul Laporan Ketua Audit Negara 1/2025

Bernama
27/02/2025 | 22:30 MYT



Usul dibentangkan Azalina itu diluluskan dengan lebih suara bersetuju selepas dibahaskan 18 Ahli Parlimen. - Gambar fail/Bernama

**KUALA LUMPUR:** Dewan Rakyat hari ini meluluskan usul Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 bagi meneliti segala isu melibatkan ketirisan, ketidakpatuhan kepada peraturan dan syarat serta kelemahan dalam perancangan supaya tidak berulang pada masa depan.

Usul dibentangkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said itu diluluskan dengan lebih suara bersetuju selepas dibahaskan 18 Ahli Parlimen.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir ketika menggulung perbahasan usul itu bagi kementeriannya berkata kaedah penyaluran geran mengurus kepada semua universiti awam adalah berasaskan kepada keperluan emolumen dan siling indikatif anggaran perbelanjaan mengurus tahunan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## SELANGOR JOURNAL | 27 FEBRUARI 2025


The Parliament building in Kuala Lumpur. — File Picture by AFP

### Dewan Rakyat passes motion on Auditor-General's Report 1/2025

February 27, 2025 11:05 pm

KUALA LUMPUR, Feb 27 — The Dewan Rakyat today passed a motion on the Auditor-General's Report (LKAN) 1/2025 regarding the 2023 financial statements of Federal agencies, aiming to review leakages, non-compliance with regulations and conditions, and weaknesses in planning to prevent recurrence.

The motion, tabled by Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said, was passed by a majority vote following a debate by 18 MPs.

Higher Education Minister Datuk Seri Zambry Abd Kadir, in winding up the debate for his ministry, said the allocation of management grants to all public universities is based on emoluments needs and the indicative ceiling for annual operating expenditure set by the Ministry of Finance.

He also addressed claims that some public universities had incurred 'losses', saying that he had sought clarification from Auditor-General Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi.

"I was informed that the report does not actually mention the word 'losses'. I also clarified that, fundamentally, public universities are not business entities," Zambry said.

Meanwhile, in her winding up for the ministry, Rural and Regional Development Deputy Minister Datuk Rubiah Wang said the remaining RM2.39 billion in undeployed development grants under the Majlis Amanah Rakyat (Mara) represents committed expenditures for ongoing development projects.

This includes RM715 million in deferred development grants, RM1.59 billion in deferred education sponsorship grants, RM22.2 million in deferred business financing grants, and RM64.1 million allocated for other funds.

"The deferred education sponsorship grants are Mara's commitment to funding education programmes, with payments made progressively based on students' study duration.

"This means that approved sponsorships are not disbursed in full upfront but are paid according to semesters and designated stages," she said.

Meanwhile, during his winding-up debate, Deputy Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Senator Zulkifli Hasan clarified that the losses recorded by two United Kingdom (UK)-based investment subsidiaries of Lembaga Tabung Haji were unrealised due a decline in the current market value of the properties.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## MALAYSIA GAZETTE | 27 FEBRUARI 2025

EKONOMI

### FELDA belum dapat manfaat jual saham EHP

Oleh **Mohammad Arif Nizam** - 27 February 2025




*Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.*

KUALA LUMPUR – FELDA masih belum menikmati manfaat secara langsung daripada penjualan saham PT Eagle High Plantation Tbk (EHP) berikutan mempunyai tanggungan pinjaman dengan sebuah syarikat di bawah Kementerian Kewangan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, tanggungan pinjaman itu ditetapkan untuk tempoh 20 tahun.

"Mengenai manfaat diperoleh FELDA daripada pelaburan, buat masa ini, FELDA masih belum menikmati sebarang manfaat secara langsung.

"Ini kerana FELDA masih mempunyai tanggungan pinjaman dengan GOVCO Holdings Berhad iaitu sebuah syarikat di bawah Menteri Kewangan (Diperbadankan)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi penggulungan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 mengenai Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 di Dewan Rakyat hari ini.

Sementara itu, Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah turut menjawab soalan Nurul Amin Hamid (PN-Padang Terap) berkaitan nilai pelaburan dalam EHP yang dikatakan mengalami penurunan drastik.
"Berkaitan nilai pelaburan dalam EHP, benar. Nilai pelaburan terbabit mengalami penurunan. Ini berpunca daripada penurunan harga saham di Bursa Saham Indonesia yang menjejaskan nilai pegangan FIC Properties dalam syarikat berkenaan," katanya.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

BERNAMA | 27 FEBRUARI 2025

AM > BERITA

## Faedah RM136 Juta Kepada Govco Holdings, Faktor Dua Syarikat Subsidiari Felda Rugi

27/02/2025 11:53 PM




Gambar: Themalaysianreserve.com

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## TVS | 27 FEBRUARI 2025

## Dewan Rakyat passes motion on Auditor General's Report

By Bernama - February 28, 2025 @ 7:45am



Datuk Seri Azalina Othman Said speaking during the Dewan Rakyat sitting yesterday. - BERNAMA PIC

KUALA LUMPUR: The Dewan Rakyat yesterday passed a motion on the Auditor General's Report (LKAN) 1/2025 regarding the 2023 financial statements of federal agencies, aiming to review leakages, non-compliance with regulations and conditions, and weaknesses in planning to prevent recurrence.

The motion, tabled by Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said, was passed by a majority vote following a debate by 18 members of parliament.

Higher Education Minister Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, in winding up the debate for his ministry, explained that the allocation of management grants to all public universities is based on emoluments needs and the indicative ceiling for annual operating expenditure set by the Finance Ministry.

Zambry also addressed claims that some public universities had incurred 'losses', saying that he had sought clarification from Auditor-General Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi.

"I was informed that the report does not actually mention the word 'losses'. I also clarified that, fundamentally, public universities are not business entities," he said.

Meanwhile, in her winding up for the ministry, Deputy Minister of Rural and Regional Development Datuk Rubiah Wang said the remaining RM2.39 billion in undeployed development grants under the Majlis Amanah Rakyat (MARA) represents committed expenditures for ongoing development projects.

She listed that this includes RM715 million in deferred development grants, RM1.59 billion in deferred education sponsorship grants, RM22.2 million in deferred business financing grants, and RM64.1 million allocated for other funds.

"The deferred education sponsorship grants are MARA's commitment to funding education programmes, with payments made progressively based on students' study duration.

"This means that approved sponsorships are not disbursed in full upfront but are paid according to semesters and designated stages," she said.

Meanwhile, during his winding up debate, Deputy Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs), Dr Zulkifli Hasan, clarified that the losses recorded by two UK-based investment subsidiaries of Lembaga Tabung Haji were unrealised due to a decline in the current market value of the properties.

He explained that Tabung Haji has retained ownership of the properties, as the losses are expected to be temporary, with property values in the UK fluctuating based on capitalisation rates influenced by interest rate movements and inflation.

Earlier, when tabling the motion, Azalina proposed that state governments follow the federal government's example by allowing state assembly members to debate the Auditor General's Report in line with the principles of transparency and accountability.

"This commendable initiative by the Madani government provides more MPs the opportunity to ensure public funds are managed prudently in the public interest.

"The Prime Minister has emphasised that all responsible ministers, under the Federal Government Ministers' Order currently in effect, must review every concern raised by the Auditor General in LKAN 1/2025, particularly recurring issues that remain unresolved," she said.

She added that the government has tabled the LKAN motion four times and maintains that its debate in the Dewan Rakyat should continue to ensure all highlighted issues receive due attention.

The Dewan Rakyat will reconvene on Monday.– BERNAMA

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## MALAY MAIL | 28 FEBRUARI 2025

MALAYSIA

# Dewan Rakyat passes motion on Auditor-General's report to address financial management issues



The motion, tabled by Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said, was passed by a majority vote following a debate by 18 members of parliament. — Bernama pic

KUALA LUMPUR, Feb 28 — The Dewan Rakyat yesterday passed a motion on the Auditor-General's Report (LKAN) 1/2025 regarding the 2023 financial statements of federal agencies, aiming to review leakages, non-compliance with regulations and conditions, and weaknesses in planning to prevent recurrence.

The motion, tabled by Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said, was passed by a majority vote following a debate by 18 members of parliament.

Higher Education Minister Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, in winding up the debate for his ministry, explained that the allocation of management grants to all public universities is based on emoluments needs and the indicative ceiling for annual operating expenditure set by the Ministry of Finance.

Zambry also addressed claims that some public universities had incurred 'losses', saying that he had sought clarification from Auditor-General Datuk Seri Wan Suraya Wan Mohd Radzi.

"I was informed that the report does not actually mention the word 'losses'. I also clarified that, fundamentally, public universities are not business entities," he said.

Meanwhile, in her winding up for the ministry, Deputy Minister of Rural and Regional Development Datuk Rubiah Wang said the remaining RM2.39 billion in undeployed development grants under the Majlis Amanah Rakyat (MARA) represents committed expenditures for ongoing development projects

She listed that this includes RM715 million in deferred development grants, RM1.59 billion in deferred education sponsorship grants, RM22.2 million in deferred business financing grants, and RM64.1 million allocated for other funds.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

TVS | 28 FEBRUARI 2025

## IPT berdepan cabaran imbangi pendapatan, perbelanjaan tahunan

Oleh Dr Muhammad Iqmal Hisham Kamaruddin - Februari 28, 2025 @ 11:00am
bhrencana@bh.com.my



Foto hiasan.

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 Bagi Laporan Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 menyorot 142 agensi Persekutuan dengan nilai bersih aset RM1.825 trilion terdiri nilai aset keseluruhan RM2.696 trilion ditolak nilai liabiliti keseluruhan RM871 bilion.

Bagi 2023, sebanyak RM33.682 bilion geran Persekutuan diperuntukkan dengan pecahan RM16.305 bilion sebagai geran mengurus, manakala baki RM17.323 bilion sebagai geran pembangunan.

Jika diamati, daripada 142 agensi Persekutuan, tiga yang menerima peruntukan geran Persekutuan tertinggi sepanjang 2023 berkait rapat dengan institusi pendidikan tinggi (IPT).

Ini termasuk Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang menerima peruntukan tertinggi RM3.946 bilion yang turut bertujuan membiayai sebahagian kos bagi dua universiti di bawahnya, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM).

Universiti Teknologi MARA (UiTM) menjadi penerima peruntukan kedua tertinggi, iaitu RM2.826 bilion, manakala Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang berperanan utama menyediakan pinjaman pendidikan tinggi menerima RM2.094 bilion.

Turut menjadi tumpuan terkait dengan pendidikan tinggi adalah kebergantungan agensi Persekutuan kepada geran Persekutuan melebihi 70 peratus daripada jumlah hasil keseluruhan agensi masing-masing.

Daripada keseluruhan 53 agensi Persekutuan terbabit, lima agensi tertinggi mempunyai kebergantungan terhadap geran Persekutuan melebihi 70 peratus daripada jumlah hasil keseluruhan.

Ia termasuk MARA dengan jumlah 90.3 peratus, diikuti UiTM (78.5 peratus), Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) (73.8 peratus) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) (70.5 peratus).

Terdapat 21 agensi Persekutuan mencatat peratus peningkatan penerimaan geran mengurus ketara melebihi 10 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Antara lima agensi menerima geran mengurus tertinggi ketara melebihi 10 peratus berbanding tahun sebelumnya, termasuk Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan RM267.3 juta pada 2023, 24 peratus lebih tinggi berbanding RM215.55 juta diterima pada 2022.

Pada masa sama, dari sudut kecekapan dan kelancaran pelaksanaan projek dan aktiviti pembangunan, terdapat 97 agensi Persekutuan masih mempunyai baki geran pembangunan bagi 2023 berjumlah RM21.399 bilion.

Antara lima agensi Persekutuan mempunyai baki geran pembangunan tertinggi bagi 2023, termasuk MARA dengan 46.28 peratus (RM2.392 bilion) daripada jumlah keseluruhan geran pembangunan sebanyak RM5.169 bilion.

Ini diikuti Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), iaitu 83.2 peratus (RM1.263 bilion) daripada jumlah keseluruhan geran pembangunan RM1.518 bilion.

Terdapat 12 agensi Persekutuan mempunyai pinjaman daripada institusi kewangan, termasuk lima menerima jaminan pinjaman daripada kerajaan. Ini termasuk Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dengan jaminan pinjaman RM41.13 bilion (41.52 peratus) daripada keseluruhan RM99.058 bilion jaminan pinjaman keseluruhan.

Pada masa sama, PTPTN juga antara lima agensi Persekutuan masih mempunyai baki pinjaman tertinggi dengan jumlah pinjaman 34.32 peratus daripada jumlah keseluruhan baki pinjaman RM119.841 bilion.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## MALAYSIA TRIBUNE | 28 FEBRUARI 2025




LAPORAN Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 menyatakan bahawa dua syarikat subsidiari FELDA mencatat kerugian berjumlah RM165 juta.

Home / BERITA SEMASA / Rugi RM165 juta: FELDA komited perkukuh kedudukan kewangan

BERITA SEMASA | BISNES & EKONOMI

# Rugi RM165 juta: FELDA komited perkukuh kedudukan kewangan

Khadijah Mohamad Nor · February 28, 2025 · 34 · 1 minute read

KUALA LUMPUR – Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) menegaskan komitmennya untuk terus memperkukuh kedudukan kewangan serta memastikan kelestarian kewangan jangka panjang.

Dalam satu kenyataan rasmi hari ini, FELDA mengalu-alukan laporan Ketua Audit Negara seperti yang terkandung dalam Laporan Ketua Audit Negara 1/2025 bagi Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2023 yang menyatakan bahawa dua syarikat subsidiari FELDA mencatatkan kerugian berjumlah RM165 juta.

FELDA menjelaskan bahawa kenyataan tersebut merujuk kepada prestasi syarikat subsidiari dan bukannya FELDA secara keseluruhan.

"Antara faktor utama yang menyumbang kepada kerugian tersebut adalah pembayaran faedah sebanyak RM136 juta kepada GOVCO Holdings Berhad serta penjejasan nilai pelaburan dalam syarikat bersekutu akibat penurunan harga pelaburan saham pada tahun 2023, yang mencatatkan penurunan sebanyak RM25 juta berbanding RM38 juta pada tahun sebelumnya," menurut kenyataan itu.

Namun begitu, laporan sama turut menunjukkan bahawa sembilan syarikat subsidiari FELDA berjaya mencatatkan keuntungan, mencerminkan keberkesanan strategi pengurusan dan perancangan kewangan yang diambil oleh agensi tersebut.

"Bagi memastikan kedudukan kewangan yang lebih kukuh dan mampan, FELDA sedang melaksanakan pelbagai langkah strategik termasuk meningkatkan kecekapan pengurusan serta mengurangkan risiko kewangan.

"Di samping itu, usaha memperkukuh kawalan kewangan dan memperbaiki prestasi anak-anak syarikat turut menjadi fokus utama bagi menjamin kestabilan serta daya tahan FELDA dalam jangka masa panjang.

"FELDA kekal optimis bahawa langkah-langkah yang diambil akan memastikan agensi ini terus berada di landasan yang betul dalam mencapai matlamatnya untuk memperkasakan ekonomi peneroka dan mengukuhkan sektor perladangan negara," kata kenyataan itu lagi.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

BERNAMA | 28 FEBRUARI 2025

## RUU MMM 2024 LULUS, DUA RUU DIBENTANG LAKAR SEJARAH DI DEWAN RAKYAT

28/02/2025 01:17 PM




Sila emel ke digitalsales@bernama.com untuk berita penuh.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

## SINAR HARIAN ONLINE | 28 FEBRUARI 2025

# RUU MMM 2024 lulus, dua RUU dibentang lakar sejarah Dewan Rakyat

28 Februari 2025 12:31pm
Masa membaca: 3 minit



Sejarah tercipta pada minggu keempat persidangan Dewan Rakyat apabila Rang Undang-Undang (RUU) Majlis Media Malaysia (MMM) 2024 diluluskan serta RUU Perlembagaan (Pindaan) 2025 dan RUU Perkhidmatan Parlimen 2025 dibentangkan untuk bacaan kali pertama.

KUALA LUMPUR - Sejarah tercipta pada minggu keempat persidangan Dewan Rakyat apabila Rang Undang-Undang (RUU) Majlis Media Malaysia (MMM) 2024 diluluskan serta RUU Perlembagaan (Pindaan) 2025 dan RUU Perkhidmatan Parlimen 2025 dibentangkan untuk bacaan kali pertama.

RUU MMM 2024 simbol pencapaian penting dalam industri media Malaysia selepas lebih 50 tahun penubuhannya dibincangkan, antara lain bertujuan menjamin kebebasan media dalam memastikan masyarakat mendapat informasi sahih, berintegriti dan adil.

Timbalan Menteri Komunikasi, Teo Nie Ching ketika membentangkan RUU itu berkata, cadangan penubuhan satu jawatankuasa atau organisasi bagi menyelaraskan urus tadbir industri media di Malaysia telah dicetuskan sejak 1973.

Melalui penubuhan MMM juga, beliau berkata, kerajaan yakin ruang semak dan imbang boleh dilaksanakan pemain industri media sendiri bagi meningkatkan amalan integriti serta pematuhan etika.

Sementara itu, RUU Perlembagaan (Pindaan) 2025 dan RUU Perkhidmatan Parlimen 2025 ialah usaha bagi memartabatkan institusi Parlimen, serta langkah utama dalam memperkenalkan reformasi institusi yang komprehensif.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, melalui agenda reformasi institusi yang direncanakan Kerajaan MADANI itu, Perkhidmatan Parlimen akan mempunyai kuasa autonomi untuk menentukan dasar dan tadbir urus Parlimen Malaysia.

Azalina membentangkan kedua-dua RUU berkenaan Isnin lepas, dan bacaan kali kedua dijangka dilakukan dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 4 Mac.

Selain itu, Dewan Rakyat meluluskan RUU BERNAMA (Pindaan) 2024 bagi menjadikan industri media lebih inklusif serta memastikan komposisi baharu yang lebih dinamik sejajar perkembangan dan keperluan semasa industri media.

Pindaan terhadap Akta Bernama 1967 (Akta 780) yang kali pertama dibuat sejak akta itu digubal pada 1967, melibatkan Seksyen 2 bagi memasukkan satu tafsiran baharu "organisasi media" yang merangkumi bukan sahaja media cetak (surat khabar dan apa-apa medium percetakan) tetapi turut meliputi komunikasi massa iaitu media elektronik dan digital, seiring dengan ledakan teknologi dan digital masa kini.

Ketika membentangkan bacaan kali kedua, Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata, pindaan berkenaan turut mempertingkatkan ekosistem digital selaras kerangka Malaysia MADANI dengan mengoptimumkan penggunaan media digital seiring media konvensional lain bagi membawa keseimbangan antara kedua-dua jenis media.

# LIPUTAN MEDIA BULAN FEBRUARI 2025

TERIMA KASIH

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT